

# Laporan ANUGERAH KUALITI NAIB CANSELOR **AKNC**





# LAPORAN ANUGERAH KUALITI NAIB CANSELOR (AKNC)

2022

FAKULTI PERLADANGAN DAN AGROTEKNOLOGI  
PENGURUSAN DAN PEMBANGUNAN PELAJAR

---

**KETUA PTJ :**

MOHD RASDI BIN ZAINI

**KETUA UNIT KUALITI :**

SITI NUR ANISAH BINTI AANI

**PENYELARAS :**

NUR'AMIRA BINTI HAMID

**PENULIS :**

1. NUR'AMIRA BINTI HAMID
2. SITI NUR ANISAH BINTI AANI
3. NUR WAJIHAH BINTI MOHD NAWI
4. NURULAIN BINTI ISA
5. NURUL WAHIDA BINTI RAMLI
6. NORaida BT MOHD RADZI
7. KHAWARIZMI BIN MOHD AZIZ

8. NUR SURAYA BINTI ABDULLAH
9. NUR HAZWANI BINTI MOHAMMAD AZAM
10. SAEIDAH BINTI HJ JANTAN
11. WAN NATASYA BINTI WAN AHMED
12. NURUL WAHIDA BINTI HANI
13. FAIRUZ BIN KHALID
14. FARAHIDA BINTI ZULKEFLI
15. HAMDAN BIN SULAIMAN
16. SITI AISHA NA'ILLA BINTI CHE MUSA
17. AZHAN BIN HASHIM @ ISMAIL

## **KRITERIA 1 : KEPIMPINAN**

### **1.1 RINGKASAN EKSEKUTIF**

Sepanjang tahun 2019 sehingga 2021, Fakulti Perladangan dan Agroteknologi telah melaksanakan banyak program dan aktiviti pelajar dibawah kelolaan Bahagian Hal Ehwal Pelajar (BHEP) dalam usaha meningkatkan pengurusan dan pembangunan pelajar. Program-program yang dianjurkan adalah bertujuan membentuk dan menerapkan aspek-aspek penting untuk membantu perkembangan diri para pelajar secara holistik. Aspek tersebut merangkumi kepimpinan, keusahawanan, tanggungjawab sosial, jaringan antarabangsa, kemahiran insaniah, kebolehpasaran dan inovasi. Semua sedia maklum, pada tahun 2020 dunia digemparkan dengan pandemik Covid-19 yang menjelaskan pelbagai sektor-sektor penting dalam negara. Turut terkesan adalah sektor pendidikan, dan keberadaan pelajar ke kampus terhad mengikut kepada pekeliling yang dikeluarkan UiTM. Kementerian Pelajaran Tinggi menetapkan proses pembelajaran berdasarkan “Open Distance Learning” (ODL) bagi mengekang penularan Covid-19 dan menjamin keselamatan para pelajar. Namun begitu BHEP terus memberikan komitmen yang tinggi dan fokus menganjurkan program-program yang bersesuaian. Hasilnya, terdapat banyak program yang berjaya dilaksanakan oleh pihak fakulti. Keberkesaan terhadap perancangan yang telah ditetapkan ini adalah di atas faktor penglibatan dari semua pihak dalam fakulti dan kepimpinan yang cemerlang di setiap peringkat iaitu kepimpinan fakulti dan kepimpinan pelajar. Pencapaian yang cemerlang dalam sesuatu organisasi memerlukan tumpuk kepimpinan yang berkesan.

Di Fakulti Perladangan dan Agroteknologi, barisan kepimpinan yang dilantik terdiri daripada mereka yang berwawasan, berdedikasi, berintegriti dan mempunyai kemahiran pengurusan yang mantap. Ianya diketuai oleh Prof. Madya Ts. Dr. Mohd Rasdi Zaini sebagai dekan yang mengendalikan pentadbiran fakulti. Selain itu, turut dibantu oleh Bahagian Hal Ehwal Akademik (HEA), Bahagian Penyelidikan dan Jaringan Industri (PJI) dan Bahagian Hal Ehwal Pelajar (BHEP). Pengurusan fakulti dimantapkan lagi dengan Eksekutif Pengurusan Kanan fakulti yang terdiri daripada barisan ahli Mesyuarat Pengurusan Eksekutif (MPE) dan ahli Mesyuarat Pembangunan Ladang, ahli mesyuarat pengurusan dalaman seperti Mesyuarat Pengurusan Kanan Akademik (MPKA), Jawatankuasa Akademik Fakulti (JAF) dan Tabung Pembangunan Amanah Pelajar (TAPA) dalam memastikan pentadbiran dan pengurusan fakulti sentiasa menitikberatkan pelaksanaan Sistem pengurusan Kualiti (SPK) yang berkesan. Kepimpinan fakulti juga disempurnakan lagi dengan barisan kepimpinan staf akademik dan bukan akademik yang sentiasa komited bagi merealisasikan kemampunan dan kelestarian fakulti amnya dan Universiti Teknologi MARA (UiTM) khususnya. Selain itu, kepimpinan kanan menerajui fakulti berlandaskan pekeliling UiTM, perancangan strategik (RMK-11), serta gerakan perjalanan kualiti dalam mencapai visi, misi dan objektif fakulti yang telah ditetapkan. Bagi memantapkan lagi kecemerlangan dan kepimpinan pelajar, Bahagian Hal ehwal pelajar (BHEP) diwujudkan dan bertanggungjawab membentuk pelajar yang holistik bukan sahaja dari segi akademik tetapi jugak kemahiran insaniah. Barisan BHEP diketuai oleh dekan, timbalan dekan hal ehwal pelajar dan dibantu oleh 6 koordinator, 1 penyelaras serta 1 pegawai eksekutif kanan. Lantikan bagi setiap jawatan ini adalah selama 2 tahun dan pihak pengurusan bertanggungjawab untuk memilih barisan koordinator yang memenuhi kriteria pemilihan bagi menjalankan tugas yang bakal dipikul kelak.

Selain dari kepimpinan fakulti yang berkesan, kepimpinan pelajar juga mampu memberi impak besar kerana mereka adalah produk yang dilahirkan. Barisan BHEP bertanggungjawab melatih, mengawasi dan memberi pandangan kepada pemimpin pelajar untuk segala perkara, program dan isu, Pelbagai inisiatif diwujudkan untuk membentuk pelajar yang berkemahiran dan berdaya saing di peringkat kebangsaan dan negara serta mampu menguruskan organisasi dengan cemerlang.

## **1.2 PENDEKATAN (APPROACH)**

Kepimpinan tinggi FPA sentiasa komited untuk memastikan pembangunan dan pengurusan pelajar dapat dilaksanakan seiring di setiap kampus. Justeru, pelbagai pendekatan yang sistematis telah digunakan bagi memastikan inisiatif Pengurusan dan pembangunan Pelajar dapat dilaksanakan dengan menggariskan 6 aspek utama seperti ditunjukkan di FPA\_Lampiran Kepimpinan 1.1.pdf. Pengurusan dan pembangunan pelajar ini melibatkan semua pelajar dari pelbagai peringkat pengajian iaitu diploma, ijazah sarjana muda, sarjana dan doktor falsafah. Ianya melibatkan 6 buah kampus iaitu kampus Jasin, Arau, Jengka, Mukah, Kota Kinabalu dan Samarahan. Taburan data ni boleh dilihat melalui FPA\_Lampiran Kepimpinan 1.2.pdf.

Bagi pendekatan menerusi aspek kepimpinan yang diletak dibawah tugas Kordinator Kepimpinan dan Pembangunan Pelajar, ia menfokuskan kepada segala program yang mampu untuk meningkatkan dan memperbaiki kemahiran pelajar dalam memimpin organisasi dan mengendalikan pelbagai isu yang timbul. Pendekatan melalui aspek keusahawanan adalah melalui program-program yang berteraskan keusahawanan dan pengurusan perniagaan yang diterajui oleh TDHEP dibawah tugas Koordinator Keusahawanan. Program-program seperti ini dapat mencungkil bakat dan potensi para pelajar dalam bidang perniagaan berasaskan pertanian. Selain itu dapat membuka minda para pelajar dalam mencari peluang untuk memajukan diri setelah bergraduasi.

Pendekatan seterusnya melalui TDHEP dibawah tugas Kordinator Peningkatan Kerjaya dan Kebolehpasaran Graduan, yang mana ia menekankan pelbagai program yang menyumbang kepada persiapan dan kesediaan bakal graduan untuk menempuh alam pekerjaan dan menyenaraikan peluang- peluang pekerjaan yang ada di industri. Bagi tugas Kordinator Jaringan Industri, Perhubungan Alumni dan Komuniti di bawah seliaan TDHEP, ia bantu untuk mencari kepakaran dari pihak alumni dan industri yang boleh dikongsi kepada para pelajar dan melibatkan mana-mana komuniti yang sesuai kepada aktiviti pembangunan pelajar. Program yang dijalankan juga bertujuan untuk memberi pendedahan pelajar terhadap perkembangan teknologi, pertukaran idea dan jalinan kerjasama antara organisasi.

Bagi tugas Kordinator Kemahiran Insaniah yang diselia oleh TDHEP pula proaktif melaksanakan aktiviti yang fokus kepada pembangunan sahsiah diri pelajar dan program yang menyumbang kepada keseimbangan duniawi serta ukhrawi. Kordinator Sukan dan Rekreasi pula bertanggungjawab untuk merancang dan melaksanakan segala program yang mampu membuatkan pelajar aktif dalam bidang kurikulum dan sukan. Hal ini penting kerana, banyak kemahiran yang dapat diterapkan oleh pelajar bilamana mereka libatkan diri dalam aktiviti kesukuan sama ada secara individu atau berpasukan.

Kepimpinan FPA melalui BHEP sentiasa memastikan kelancaran pada setiap program yang dijalankan dibawah kendalian fakulti atau kelab dan persatuan pelajar. Hasilnya, FPA telah berjaya melaksanakan banyak program sepanjang tahun 2019 sehingga 2021, berteraskan kepada aspek yang digariskan seperti dipaparkan di FPA\_Lampiran Kepimpinan 1.3.pdf. Berdasarkan lampiran tersebut, pengurangan program yang berjaya dijalankan pada tahun 2020 adalah implikasi daripada pandemik covid-19. Banyak program-program yang sudah dirancang awal terpaksa dipindah dan ditukar kepada pendekatan yang berlainan dan sesuai dengan arahan pekeliling semasa. Namun, terdapat juga program- program yang berjaya dilaksanakan sebelum pandemik covid-19 melanda. Program pelajar ini kembali rancak selepas tahun 2021 sejurus pelajar kembali ke kampus mengikut kepada prosedur yang telah digariskan.

Dalam usaha lain untuk membentuk kepimpinan dalam diri pelajar, pelbagai organisasi pelajar telah diwujudkan atas inisiatif pihak BHEP FPA. Terdapat sebanyak 12 kelab utama yang telah diwujudkan dalam fakulti dan organisasi ini boleh dilihat di FPA\_Lampiran Kepimpinan 1.4.pdf.

## **SENARAI BUKTI:**

- 
1. [F0065\\_K01\\_KB02\\_20221\\_FPA\\_Lampiran Kepimpinan 1.1.pdf](#)
  2. [F0065\\_K01\\_KB02\\_20222\\_FPA\\_Lampiran Kepimpinan 1.2.pdf](#)
  3. [F0065\\_K01\\_KB02\\_20223\\_FPA\\_Lampiran Kepimpinan 1.3.pdf](#)
  4. [F0065\\_K01\\_KB02\\_20224\\_FPA\\_Lampiran Kepimpinan 1.4.pdf](#)
  - 5.

## **1.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)**

### **1.3.1 Kepimpinan Pelajar**

Selain daripada kepimpinan fakulti yang mantap dan berkesan, kepimpinan pelajar juga mampu memberi impak yang besar kepada seluruh sistem UiTM kerana mereka adalah produk yang dilahirkan. Antara jawatankuasa yang wujud di peringkat pelajar adalah Majlis Perwakilan Pelajar (MPP), Jawatankuasa Perwakilan Kolej (JPK), Jawatankuasa Pelajar Non Resident (JPNR) serta jawatankuasa kelab dan persatuan. Berikut daripada penghasilan pelajar yang berkepimpinan, wakil pelajar dari Fakulti Perladangan dan Agroteknologi telah berjaya memegang jawatan di dalam Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) dan perlantikan ini adalah bukti dimana pelajar-pelajar dari fakulti ini sentiasa berkebolehan dalam menguruskan organisasi dan mempunyai sifat kepimpinan yang tinggi. *FPA\_Lampiran Kepimpinan 1.5.pdf*. menunjukkan senarai pelajar yang memegang jawatan dalam Majlis Perwakilan Pelajar (MPP). Selain itu juga, fakulti dibantu oleh satu lagi organisasi pelajar iaitu Sekretariat Mahasiswa Fakulti (SMF) yang secara langsung membantu MPP dan FPA untuk segala aktiviti yang melibatkan kepimpinan dan pembangunan pelajar. Organisasi ini boleh dilitak di *FPA\_Lampiran Kepimpinan 1.6.pdf*.

### **1.3.2 Perancangan Strategik yang Dinamik**

Pengurusan kanan sangat optimis dalam memantapkan aspek sistem pengurusan dan pembangunan pelajar seiring dengan perkembangan semasa. Strategiknya FPA sentiasa peka dan agresif terhadap keperluan dan cabaran bagi melahirkan graduan yang holistik dan global. Pelbagai inisiatif dan perancangan serta perlaksanaan untuk pelajar di wujudkan bagi membentuk pelajar yang hebat di peringkat kebangsaan dan global. Selari dengan itu, pihak fakulti telah menggunakan pendekatan yang sistematik bagi memastikan inisiatif Pengurusan dan Pembangunan Pelajar dapat dilaksanakan dengan jayanya. Seperti contoh, menggalakkan pelajar mengadakan program seperti bengkel dan kursus yang dapat meningkatkan kemahiran pelajar dari pelbagai aspek seperti kepimpinan, komunikasi, integriti, penyelesaian masalah, dan banyak lagi. Program-program tersebut disokong penuh oleh pihak fakulti bagi meningkatkan pencapaian pelajar secara menyeluruh.

### **SENARAI BUKTI :**

1. [F0065\\_K01\\_KB03\\_20221\\_FPA\\_Lampiran Kepimpinan 1.5.pdf](#)
2. [F0065\\_K01\\_KB03\\_20222\\_FPA\\_Lampiran Kepimpinan 1.6.pdf](#)
- 3.
- 4.
- 5.

## **PEMBELAJARAN (LEARNING)\***

### **1.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)**

Pihak fakulti sentiasa berusaha keras untuk memastikan graduan-graduan yang dihasilkan mempunyai nilai tambah yang selari dengan kehendak industri masa kini. Pelbagai aktiviti telah dijalankan untuk melahirkan graduan yang holistik dan global. Bagi memastikan objektif ini tercapai, pihak fakulti percaya bahawa kerjasama dari semua bahagian/ptj amat kritikal untuk mencapai misi yang telah ditentukan.

Pelajar banyak didedahkan dengan program kepimpinan yang bertujuan untuk mengasah bakat kepimpinan para pelajar. Program sukan dan rekreasi turut dijalankan untuk membina dan mengekalkan keadaan mental, fizikal, emosi, dan sosial yang seimbang di kalangan pelajar . Selain itu, program- program keusahawanan dan pembangunan kemahiran insaniah turut dijalankan dimana ianya diharapkan dapat membantu menyediakan para pelajar untuk memasuki industri yang sengit. Program jaringan industri, perhubungan alumni dan komuniti yang dijalankan juga dapat memberi pendedahan kepada para pelajar akan situasi sebenar alam pekerjaan melalui perkongsian ilmu dari para alumni dan pakar-pakar industri. agar pelajar untuk menjadi graduan yang holistik yang tidak sahaja berilmu tetapi dapat juga menyumbang kepada masyarakat setempat. Pihak fakulti juga memberi penekanan pada peningkatan kerjaya dan kebolehpasaran pelajar untuk menyiapkan para graduan dengan kemahiran dan nilai-nilai tambah yang diperlukan untuk memasuki alam pekerjaan.

Memasuki fasa endemik pada tahun 2021 menyaksikan banyak perubahan dari segi komunikasi dan perjalanan program namun pihak fakulti tetap proaktif dan progresif dalam menjalankan program-program dan bengkel untuk memastikan objektif utama fakulti tercapai. Program-program ini dijalankan secara atas talian dan bersemuka mengikut kesesuaian untuk memastikan setiap pihak yang terlibat dapat memanfaatkan semua ilmu yang disampaikan.

Dengan adanya program - program seperti ini diharapkan dapat membantu sedikit sebanyak pelajar dalam mengasah kemahiran insaniah dalam diri mereka dan secara langsung BHEP membantu dalam membuka peluang kepada kerjaya selepas bergraduat.

### **SENARAI BUKTI:**

1. [F0065\\_K01\\_KB04\\_KC01\\_20221\\_FPA\\_Lampiran Kepimpinan 1.7.pdf](#)

#### **1.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)**

Tidak dapat dinafikan, dalam setiap usaha pasti ada risiko yang tersendiri, tidak ketinggalan juga pada BHEP FPA, yang mana ada risiko tersendiri dalam setiap perancangan yang telah dilakukan. Risiko ini walaupun telah dilakukan pelbagai cara untuk cegah dan halangnya, pasti ada juga sedikit yang akan terjadi. Ini secara langsung akan memberi cabaran kepada pihak pengurusan dan kepimpinan kanan untuk atasi dan selesaikan nya. Walaubagaimapun, BHEP dengan proaktif dan sistematik cuba untuk selesaikan dan kurangkan segala risiko yang mendarat.

Salah satu cara untuk atasi risiko yang mendarat adalah berkaitan komunikasi berkesan. Kepimpinan kanan fakulti menyedari bahawa untuk menghasilkan pelajar-pelajar berdaya saing yang berjiwa cemerlang memerlukan penghasilan modal-modal insan dari kalangan pelajar yang mempunyai kemahiran komunikasi yang sangat baik dan berkesan. Oleh itu, beberapa cara yang terbaik telah dibangunkan untuk memastikan komunikasi berkesan berlaku dalam kalangan warga fakulti terutamanya yang memberi impak secara terus kepada para pelajar. Antara perancangan fakulti untuk mendapatkan input-input yang baik bagi membantu perkembangan fakulti serta memastikan komunikasi berkesan dalam kalangan pelajar adalah melalui program-program seperti perjumpaan, penggunaan aplikasi media sosial, penganjuran program, e-aduan dan perjumpaan roll call.

Berdasarkan pelan-pelan dan program-program yang telah diadakan bagi mendapatkan komunikasi berterusan ini telah membantu para pelajar untuk lebih cemerlang dalam kepimpinan kendiri masing-masing yang melayakkan para pelajar fakulti untuk bersaing dengan mahasiswa dari pelbagai peringkat terutamanya di peringkat antarabangsa. Pelan-pelan pemantauan kepimpinan ini telah dapat membantu pihak fakulti mengenal pasti individu pelajar yang berpotensi mengetengahkan sikap kepimpinan masing-masing untuk dibawa ke peringkat yang lebih tinggi. Selain itu juga, komunikasi berkesan ini dapat mengurangkan risiko yang bakal berlaku utk setiap perancangan dan program, yang mana setiap satu usaha perlukan komunikasi yang telus pada setiap peringkat individu yang terlibat.

Selain itu, kepimpinan kanan juga menyediakan beberapa perancangan sebagai persediaan menghadapi sesuatu risiko. Sangat penting untuk ada perancangan lain sebagai pelan sokongan sekiranya sesuatu perancangan itu tidak dapat berlangsung dengan jayanya. Sebagai contoh tentatif disediakan mengikut keadaan cuaca bilamana ia melibatkan aktiviti luar seperti dilaksanakan di kawasan terbuka atau di ladang. Perancangan persediaan seperti ini penting, untuk memastikan sesuatu program dapat berjalan dengan lancar dan dapat dilaksanakan walaupun ada halangan ketika hari kejadian.

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [F0065\\_K01\\_KB04\\_KC02\\_20221\\_FPA\\_Lampiran Kepimpinan 1.8.pdf](#)

### **1.4.3 MENGKAJI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)**

Kepimpinan tertinggi fakulti sentiasa komited dengan segala aktiviti yang dijalankan. Pemantauan oleh barisan kanan kepimpinan fakulti sentiasa dilakukan untuk memastikan semua objektif yang dirancangkan untuk pembangunan pelajar tercapai. Seterusnya hasil pemantauan perlu di kaji dan di ambil tindakan bagi menambahbaik proses-proses bidang tumpuan sedia ada dan merancang inisiatif akan datang. Untuk memastikan setiap program mendapat pencapaian yang sejajar dengan objektif fakulti, semakan pencapaian akan dilakukan untuk penambahbaikan dan inovasi. Ini secara tidak langsung akan merealisasikan pelan perancangan starategik yang telah ditetapkan

Terdapat pelbagai platform bagi memantau perlaksanaan bidang tumpuan di FPA, samada secara langsung atau tidak langsung. Seperti contoh melalui Mesyuarat Kaji Semula Pengurusan, sesi perbincangan bagi penetapan sasaran kerja, kajian semula perancangan strategik, semakan berkala Fail Meja dan Manual Prosedur Kerja dan semakan kurikulum program akademik, kepimpinan tertinggi FPA dapat mengenal pasti keperluan, perlaksanaan, tindakan dan pencapaian sesuatu proses yang berkaitan dengan bidang tumpuan. Input dan maklum balas dari pelbagai platform ini telah digunakan untuk tindakan penambahbaikan aktiviti pengurusan dan pembangunan pelajar seperti keperluan latihan pelajar, keperluan sumber bagi melaksanakan bidang tumpuan, merangka perancangan strategik FPA pada masa akan datang dan sebagainya. Keberkesanan program dianalisa melalui dua kaedah iaitu 'post-mortem' di kalangan ahli dalam komuniti program dan maklum balas daripada peserta. Hasil daripada analisa ini membantu dalam mengenalpasti kelemahan yang perlu diperbaiki untuk penambahbaikan bagi program yang mendatang. Melalui 'post mortem' ini juga, pengurusan BHEP yang terdiri daripada TDHEP dan para koordinator akan mengulas tiap satu program yang telah berlangsung dan memberi maklum balas serta cadangan penambahbaikan agar dapat di titikberatkan oleh pelajar pada masa akan datang.

Penilaian prestasi berterusan harus dilaksanakan bagi memastikan visi dan misi fakulti tercapai dengan penghasilan pelajar yang sentiasa berdaya saing dan mempunyai kemahiran insaniah yang tinggi. Setiap bahagian di fakulti bertanggungjawab dalam membuat pemantauan prestasi pelajar. Di samping pemantauan pelajar didalam kelas, terdapat juga beberapa pemantauan tambahan bagi meningkatkan lagi daya saing di kalangan pelajar.

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [F0065\\_K01\\_KB04\\_KC03\\_20221\\_FPA\\_Laporan Kepimpinan 1.9.pdf](#)
2. [F0065\\_K01\\_KB04\\_KC03\\_20222\\_FPA\\_Laporan Kepimpinan 2.0.pdf](#)

## **1.5 INTEGRASI (INTEGRATION)**

Kepimpinan kanan fakulti sentiasa proaktif dan aggressif untuk mencapai objektif dan inisiatif strategik bidang tumpuan. Selari dengan itu, pihak fakulti percaya bahawa setiap bahagian/ptj mempunyai peranan masing-masing bagi memastikan pelan perancangan strategik ini dapat dicapai oleh setiap bahagian yang terlibat. Melalui Bahagian Hal Ehwal Pelajar (BHEP), FPA telah berjaya mengintegrasikan beberapa perkara antara pelbagai pihak yang terlibat seperti staf, pelajar, masyarakat dan industri untuk memastikan segala perancangan dapat berjalan dengan lancar dan mencapai objektif yang ditetapkan.

### **SENARAI BUKTI :**

1. [F0065\\_K01\\_KB05\\_20221\\_FPA\\_Laporan Kepimpinan 2.1.pdf](#)

## **KRITERIA 2 : PERANCANGAN STRATEGIK**

### **2.1 RINGKASAN EKSEKUTIF**

Pembangunan dan proses pelaksanaan Perancangan Strategik Fakulti Perladangan dan Agroteknologi (FPA) yang dinamik telah memacu ke arah kecekapan dan kecemerlangan dalam pengurusan dan pembangunan pelajar. Seiring dengan perubahan masa, agenda perancangan strategik sentiasa ditambahbaik oleh Unit Perancangan Strategik (UPS) dan Unit Kualiti agar inisiatif perancangan strategik yang dirancang dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan dan selari dengan petunjuk prestasi utama Pusat Perancangan dan Maklumat Strategi atau dikenali sebagai *Center for Strategic Planning and Information* (CSPI). Penetapan objektif strategik FPA adalah berdasarkan kepada agenda-agenda peringkat global dan nasional. Namun begitu, Pelan Pembangunan Strategik UiTM agenda UiTM juga sentiasa menjadi panduan utama bagi memastikan aspirasi FPA bergerak seiring dengan matlamat UiTM. Dasar-dasar utama kementerian pengajian tinggi serta agensi lain yang berkaitan juga turut menjadi panduan dalam penetapan objektif strategik fakulti.

Dalam pelaksanaan objektif strategik, Kepimpinan Kanan FPA UiTM akan menyampaikan amanat kepada warga fakulti melalui program yang diadakan. Bahagian yang bertangungjawab perlu memastikan sasaran yang ditetapkan seiring dengan matlamat dan agenda UiTM dalam menetapkan hala tuju strategik. Ahli-ahli yang terlibat di dalam jawatankuasa perancangan strategik terdiri daripada staf akademik and bukan akademik. Bagi setiap objektif strategik, beberapa pelan tindakan telah dikenalpasti untuk mencapai sasaran sebagaimana diukur KPI dan ia akan dikendalikan oleh pusat tanggungjawab (PTJ) yang bersesuaian. Bahagian utama yang menyokong bidang tumpuan pembangunan dan pengurusan pelajar di FPA ialah HEP, HEA dan PJI. Pembahagian projek mengikut bahagian yang berkaitan akan dilaksanakan di dalam mesyuarat yang diadakan.

Laporan perkembangan dan kemajuan terhadap pelaksanaan dan pemantauan pelan perancangan strategik yang dirancang juga akan dilaporkan di dalam mesyuarat fakulti pada selang masa yang ditetapkan bagi mengetahui status terkini perancangan strategik serta mendapatkan maklum balas bagi mengambil langkah proaktif dalam menangani segala isu yang menjadi limitasi terhadap pelaksanaan perancangan strategik. Analisis SWOT juga dilakukan bagi mengenalpasti faktor kekuatan, peluang, ancaman dan kelemahan yang menjadi pengukur dalam mencapai matlamat objektif strategik. Objektif strategik yang mencapai peratusan kemajuan yang rendah akan dikaji bagi memastikan ia mencapai sasaran yang ditetapkan. Selain itu, laporan perancangan strategik pada tahun sebelumnya juga sentiasa menjadi panduan dalam penambahbaikan objektif strategik agar faktor risiko yang menjadi limitasi terhadap pelaksanaan objektif strategik tidak berulang dan perancangan strategik dapat dilaksanakan dengan jayanya. Dokumen pengurusan risiko akan dirujuk bagi mengurus sebarang risiko yang dihadapi semasa pelaksanaan inisiatif strategik. Beberapa program juga telah dilaksanakan diperingkat fakulti sebagai persediaan awal bagi mencapai objektif strategik dalam bidang tumpuan yang dipilih iaitu pembangunan dan pengurusan pelajar.

## **2.2 PENDEKATAN (APPROACH)**

Pelaporan AKNC 2022 ini memberi fokus utama terhadap objektif dan inisiatif perancangan strategik dalam bidang tumpuan Pengurusan dan Pembangunan Pelajar. Penetapan objektif Perancangan Strategik FPA secara umumnya dibangunkan berdasarkan kepada beberapa agenda yang digariskan di peringkat global dan nasional selain mengambil kira dasar-dasar universiti dan agensi-agensi kerajaan yang berkaitan. Ahli-ahli yang terlibat di dalam jawatankuasa perancangan strategik terdiri daripada staf akademik and bukan akademik. Peranan barisan pengurusan atasan yang terdiri daripada Dekan dan Timbalan-Timbalan Dekan serta Ketua Pusat Pengajian, Koordinator Kursus, Timbalan Pendaftar Kanan, Ketua Unit Kualiti, Pegawai Eksekutif Unit dan Koordinator yang dilantik menjadi pemangkin utama dalam pelaksanaan perancangan strategik FPA ini. Pelaksanaan perancangan strategik FPA turut disokong oleh dua sistem sokongan yang terdiri daripada Pengurusan dan Pengukuran Kewangan yang profesional serta Infrastruktur dan Infostruktur yang Lestari. Proses pembangunan perancangan strategik FPA adalah seperti dipaparkan di dalam Bukti 2.1 pada Rajah A manakala Bukti 2.1 pada Rajah B pula menunjukkan komponen utama dan sistem sokongan yang menyokong pelaksanaan objektif strategik.

Antara agenda di peringkat global yang menjadi panduan dalam penetapan perancangan strategik fakulti adalah sasaran yang digariskan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu melalui Matlamat Pembangunan Lestari ataupun *Sustainable Development Goal* (SDGs) yang keempat, iaitu menyediakan pendidikan berkualiti. Pendidikan berkualiti bukan sahaja diukur melalui kursus yang diambil oleh pelajar semata-mata, namun ia harus dilihat sejauh mana ilmu yang dipelajari itu mampu diaplikasikan oleh pelajar untuk mencapai kehidupan yang lebih baik dan lestari menjelang tahun 2030. FPA juga menetapkan perancangan strategik berdasarkan kepada *Malaysia Education Blueprint 2015-2025* yang mensasarkan penghasilan graduan berpendidikan tinggi menjelang 2025. Selain itu, FPA juga mensasarkan untuk melahirkan modal insan yang cemerlang di mana ia juga merupakan salah satu teras yang terkandung dalam pelan Wawasan Kemakmuran Bersama 2030. Bagi memastikan perancangan strategik yang dirancang mampu bergerak seiring dengan aspirasi universiti dan merealisasikan matlamat UiTM menjadi universiti yang tersohor berteraskan pendidikan dan keusahawanan dan seterusnya berupaya meningkatkan pendapatan negara, FPA telah merangka objektif perancangan strategik berdasarkan kepada agenda dan teras utama RMKe-12 (2021-2025). Perancangan strategik FPA juga sentiasa ditambahbaik agar ia selari dengan Misi, Visi dan Falsafah universiti, memenuhi Amanat Tahun Baru Naib Canselor 2022, dasar Unit Kualiti UiTM dan petunjuk prestasi utama yang digariskan oleh Bahagian Transformasi Universiti melalui dokumen Perancangan Strategik UiTM 2021-2025. Pembangunan objektif strategik FPA juga sentiasa mengambilkira agenda-agenda peringkat global dan nasional serta dasar-dasar kerajaan seperti Dasar Pendidikan Negara, Dasar Pertanian Negara serta lain-lain dokumen yang menjadi panduan dan rujukan di Malaysia. Rajah C pada Bukti 2.1 memaparkan agenda-agenda peringkat global dan nasional yang menjadi garispanduan dan rujukan dalam pembentukan objektif strategik FPA.

Hasil perbincangan pengurusan pihak atasan bersama dengan jawatankuasa strategik FPA, antara fokus utama yang telah ditetapkan bagi merangka objektif strategik adalah dengan memberi penekanan terhadap enam kluster utama iaitu merangkumi aspek keusahawanan, pengantarabangsaan, tanggungjawab sosial korporat, pembangunan kemahiran insaniah, kebolehpasaran graduan dan inovasi. Berdasarkan kepada enam kluster utama ini, objektif strategik telah dikenalpasti bagi memperkasakan pelaksanaan perancangan strategik bidang tumpuan. Pemetaan objektif strategik dengan enam kluster utama bidang tumpuan adalah seperti yang dipaparkan di dalam Bukti 2.2.

### **SENARAI BUKTI:**

1. [F0000\\_P01\\_PB02\\_2022\\_FPA\\_LAMPIRAN PERANCANGAN STRATEGIK 2.1.pdf](#)
2. [F0065\\_P01\\_PB02\\_2022\\_FPA\\_LAMPIRAN PERANCANGAN STRATEGIK 2.2.pdf](#)

### **2.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)**

Objektif strategik FPA 2022 dibuat selaras dengan objektif yang terkandung di dalam PPSUiTM UiTM 2021-2025. Ia juga dirangka bertujuan untuk mencapai matlamat Kementerian Pendidikan seperti yang terkandung di dalam MEB *Blueprint* 2015-2025 untuk mentransformasi modal insan yang merupakan salah satu dari tujuh teras yang dirangka dalam WKB 2030. Pensejajaran objektif dan inisiatif strategik FPA dengan aspirasi UiTM dipaparkan seperti dalam Rajah A pada Bukti 2.3 manakala aspirasi negara yang menjadi indikator dalam penetapan objektif strategik fakulti dipaparkan dalam Rajah B dan Rajah C pada Bukti 2.3.

FPA telah merangka objektif strategik bagi bidang tumpuan pengurusan dan pembangunan pelajar dengan memberi penekanan terhadap enam kluster utama seperti berikut:

Kluster pertama memberi pendedahan kepada pelajar terhadap aspek keusahawanan yang bertujuan untuk melahirkan graduan yang mempunyai kemahiran keusahawanan. Ia bertepatan juga dengan matlamat KPT yang menasarkan untuk melahirkan usahawan di kalangan pelajar agar dapat menyumbang kepada pembangunan ekonomi negara.

Kluster kedua ialah penekanan terhadap aspek pengantarabangsaan yang bertujuan untuk memberi pendedahan dan pengalaman kepada pelajar melalui hubungan interaksi dengan institusi luar negara agar mereka dapat menjadi duta global yang bukan sahaja dapat memartabatkan FPA dan UiTM di mata dunia, malah dapat mempertingkatkan imej institusi pengajian tinggi dan Malaysia di peringkat global.

Kluster ketiga ialah tanggungjawab sosial korporat. Melalui kluster ini, pelajar akan didedahkan dengan aktiviti kemasyarakatan yang dirancang oleh FPA. Kluster ini bertujuan untuk membina sahsiah diri di kalangan pelajar dan membina hubungan baik dengan komuniti setempat untuk kesejahteraan bersama.

Kluster keempat ialah memberi penekanan terhadap aspek kebolehpasaran graduan. Ia bertujuan untuk memastikan graduan FPA berkualiti dan memenuhi keperluan industri khususnya dalam bidang perladangan dan pertanian. Untuk mencapai objektif strategik di dalam kluster ini, pelajar akan disangkutkan beberapa industri tempatan dan FPA juga menganjurkan program usahasama dan perbincangan dengan pihak industri bagi memastikan graduan yang dihasilkan dapat memenuhi keperluan semasa sektor perladangan.

Kluster kelima pulak mensasarkan untuk membentuk kemahiran insaniah di kalangan pelajar. Ia bertujuan untuk meningkatkan keperibadian pelajar dalam pelbagai sebagai persediaan kepada pelajar apabila bekerja kelak.

Kluster yang keenam ialah penerapan aspek inovasi dikalangan pelajar. Pendedahan awal terhadap inovasi juga diberikan kepada pelajar melalui kursus yang dipelajari. Sebagai contoh, pelajar Program Diploma (AT110), melalui kursus FPA 150 (Amali Ladang 1), pelajar digalakkan menghasilkan satu inovasi dalam pertanian melalui barang terbuang. Ini dapat mengurangkan masalah pengurusan bahan buangan serta dapat membentuk kemahiran berinovasi dikalangan pelajar.

Inisiatif strategik yang telah dirancang mengikut kluster yang ditetapkan adalah seperti yang dipaparkan dalam Bukti 2.4 dan beberapa strategi dan projek telah dikenalpasti bagi memacu ke arah pembangunan dan pengurusan pelajar agar cemerlang sehingga ke peringkat global. Strategi pelaksanaan projek adalah seperti yang dipaparkan pada Rajah A di Bukti 2.5. Projek yang dirangka dikelaskan dibawah setiap kluster seperti dipaparkan dalam Rajah B pada Bukti 2.5 . Projek yang dirangka digerakkan oleh jawatankuasa yang dilantik yang terdiri daripada pentadbir akademik, pensyarah dan pelajar sendiri. Bahagian HEP juga memainkan peranan utama dalam pelaksanaan objektif strategik selain bahagian HEA, PJI dan pihak pengurusan lain juga turut bekerjasama membantu dalam memastikan aktiviti pelajar dilaksanakan dengan jayanya.

**SENARAI BUKTI :**

1. [F0065\\_P01\\_PB03\\_20221\\_FPA\\_LAMPIRAN PERANCANGAN STRATEGIK 2.3.pdf](#)
2. [F0065\\_P01\\_PB03\\_20222\\_FPA\\_LAMPIRAN PERANCANGAN STRATEGIK 2.4.pdf](#)
- 3.
- 4.
- 5.

## **PEMBELAJARAN (LEARNING)\***

### **2.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)**

Untuk memastikan objektif strategik dan inisiatif strategik yang telah dirangka dapat dilaksanakan dengan berkesan, jawatankuasa perancangan strategik FPA juga telah merangka beberapa pelan pemantauan yang strategik. Pelan pemantauan ini merangkumi empat fasa utama iaitu perancangan, pelaksanaan, pemantauan dan penambahbaikan. Pelan Pemantauan Objektif Strategik adalah seperti yang dipaparkan dalam Bukti 2.6.

Fasa Pertama merupakan pelan perancangan. Pihak yang bertanggungjawab dalam fasa perancangan ini ialah Pengurusan Kanan Fakulti, Ketua-Ketua Bahagian, Penyelaras Perancangan Strategik dan Pengerusi Projek. Di dalam Pelan Perancangan ini, Bengkel Perancangan Strategik akan diadakan bagi merangka objektif strategik serta inisiatif strategik yang perlu dilaksanakan bagi mencapai objektif perancangan strategik. Dalam fasa perancangan, pihak pengurusan fakulti, pusat pengajian, Jawatankuasa Audit Kualiti serta penyelaras jawatankuasa Perancangan Strategik akan mengadakan mesyuarat bagi menentukan objektif strategik yang perlu ditetapkan bagi merealisasikan fokus utama bidang tumpuan, iaitu pembangunan dan pengurusan pelajar. Pembentangan Sasaran CSPI akan dibentangkan kepada Mesyuarat Pengurusan Eksekutif pada awal tahun.

Fasa Kedua pula merupakan pelan pelaksanaan. Bagi memastikan objektif strategik yang telah dirangka dapat dicapai, perlantikan Ketua Projek serta ahli jawatankuasa akan dibuat mengikut kesesuaian bahagian. Ketua Projek yang telah dilantik, bersama dengan ahli jawatankuasa akan menyediakan jadual untuk pelaksanaan program-program yang telah dirancang dibawah enam kluster yang telah ditetapkan. Selain itu, carta proses aliran kerja serta jadual juga perlu disediakan agar inisiatif strategik yang dirancang dapat dilaksanakan mengikut perancangan. Contoh pembahagian projek kepada ketua projek dalam pengurusan yang berkaitan adalah seperti di dalam Rajah A dalam Bukti 2.7.

Fasa Ketiga merupakan fasa pemantauan. Pelan pemantauan ini bertujuan untuk memantau dan menilai status projek yang telah dirancang. Pemantauan dilakukan berdasarkan kepada CSPI (analisa setiap suku tahun) dan hasil dapatan perkembangan pelaksanaan objektif strategik dilaporkan oleh Ketua Projek kepada ahli di dalam Mesyuarat Pengurusan Eksekutif (MPE). Pemantauan pelaksanaan inisiatif strategik dillaporkan berdasarkan kepada laporan aktiviti serta analisa terhadap maklumbalas yang diterima berkenaan dengan keberkesanan program daripada pihak yang terlibat.

Fasa keempat ialah pelan penambahbaikan. Penyelaras Perancangan Strategik perlu membuat penilaian dan seterusnya melaporkan pencapaian objektif dan inisiatif strategik berkenaan kepada mesyuarat MPE. Proses penambahbaikan akan dilakukan bagi mempertingkatkan lagi kejayaan dalam mencapai objektif strategik. Bukti pelaksanaan pelan pemantauan dalam mesyuarat fakulti ialah seperti dalam Rajah B dalam Bukti 2.7.

### **SENARAI BUKTI:**

1. [F0065\\_P01\\_PB04\\_PC01\\_20221\\_FPA\\_LAMPIRAN PERANCANGAN STRATEGIK 2.6.pdf](#)
- 2.
- 3.
- 4.
- 5.

## **2.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)**

Beberapa faktor atau risiko yang menjadi penghalang utama di dalam mencapai objektif strategik dalam pengurusan dan pembangunan pelajar FPA telah dikenalpasti. Bagi mengatasi faktor atau risiko berkenaan, pelan tindakan telah dirangka. Rajah A dalam Bukti 2.8 menunjukkan analisis S.W.O.T yang telah disediakan untuk mengatasi sebarang risiko yang telah dikenalpasti dan pelan tindakan pencegahan. Melalui analisis S.W.O.T, empat elemen utama iaitu kekuatan, kelemahan, ancaman dan peluang telah dikenalpasti.

Beberapa faktor yang mempengaruhi tiga komponen utama yang terdiri daripada pelajar, sumber manusia dan logistik serta teknikal telah dikenalpasti. Antara faktor yang mempengaruhi komponen pelajar ialah risiko penyertaan pelajar dalam program yang dianjurkan. Ini mungkin juga berlaku kerana pelajar tidak peka dan kurang berminat dengan aktiviti yang dianjurkan. Bagi mengatasi risiko berlakunya perkara ini, pihak pengajur boleh membuat maklumat awal kepada pelajar dan mewarwarkan melalui platform seperti laman sesawang fakulti ataupun *Facebook* rasmi FPA. Pelajar -pelajar yang memberikan komitmen dan menyertai aktiviti yang dianjurkan juga akan diberikan anugerah dan sijil penyertaan. Selain itu, program yang dianjurkan juga boleh diperluaskan kepada pihak lain seperti alumni dan industri.

Bagi komponen sumber manusia pula, faktor risiko yang dikenalpasti ialah kekurangan penglibatan pensyarah dalam aktiviti anjuran HEP. Bagi mengatasi risiko ini, pengajur program dengan kerjasama bahagian HEP boleh membuat publisiti dan mengeluarkan surat lantikan dan sijil penghargaan kepada pensyarah yang menyertai aktiviti pembangunan pelajar. Selain itu, kekurangan kemahiran dikalangan pensyarah dalam aspek tertentu untuk menyokong pencapaian objektif strategik contohnya dalam aspek keusahawanan juga boleh menjelaskan pencapaian objektif strategik. Risiko ini juga boleh diatasi dengan melantik ketua projek dikalangan yang mempunyai sijil kemahiran selain meningkatkan kemahiran pensyarah dalam aspek keusahawanan melalui bengkel yang dianjurkan dan galakan penyertaan dalam aktiviti anjuran unit lain yang dapat meningkatkan kemahiran dan menawarkan sijil untuk mengiktiraf kelayakan. Perkongsian aktiviti juga boleh diwar-warkan kepada staf sokongan HEP dengan unit lain di FPA.

Bagi komponen logistik dan teknikal pula, risiko yang dikenalpasti ialah masalah capaian wifi dan internet pelajar yang terhad, kekangan dalam menetapkan tarikh program selain peruntukan kewangan yang terhad. Antara pelan tindakan yang boleh dilaksanakan ialah memendekkan tempoh program selain mengalakkan capaian pelajar dalam aktiviti HEP dengan platform rakaman berbanding sesi ‘live’ bagi menjimatkan data internet pelajar untuk aktiviti akademik. Antara analisis faktor risiko dan cadangan pelan tindakan adalah seperti dipaparkan dalam Rajah B dalam Bukti 2.8.

### **SENARAI BUKTI :**

1. [F0065\\_P01\\_PB04\\_PC02\\_20221\\_FPA\\_LAMPIRAN PERANCANGAN STRATEGIK 2.8.pdf](#)
- 2.
- 3.
- 4.
- 5.

## **2.4.3 MENGKAJI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)**

Aspek utama yang diberi penekanan dalam penambahbaikan ialah memberi keutamaan kepada pihak pelanggan. Secara umumnya, pelanggan UiTM boleh dibahagikan kepada dua kategori iaitu pelanggan dalaman yang terdiri daripada pelajar, staf akademik dan staf bukan akademik manakala pelanggan luar pula merupakan badan-badan professional, industri, alumni, komuniti dan masyarakat setempat. Selain itu, keperluan pelanggan dan pihak berkepentingan juga perlu dikenalpasti agar objektif strategik yang ditetapkan memberi impak kepada pelanggan.

Cadangan penambahbaikan terhadap inisiatif strategik yang dilaksanakan diperolehi daripada pelbagai saluran. Antara penilaian dan maklum balas yang dibuat dan diterima adalah dalam bentuk surat menyurat, SUFO, e-aduan, sesi taklimat, borang aduan serta melalui media sosial seperti *facebook*, *telegram*, *Instagram*, *WhatsApp* dan sebagainya. Sebagai contoh, maklumbalas pelajar melalui SUFO juga menjadi pengukur dalam memastikan kursus yang disediakan masih relevan dan dapat melahirkan graduan yang cemerlang di peringkat global. Penambahbaikan terhadap kandungan kursus dan kriteria lain yang menyumbang kearah melahirkan graduan yang cemerlang akan sentiasa dilakukan melalui bengkel semakan semula kandungan kursus dan juga bengkel perkongsian bersama pihak industri bagi memenuhi keperluan semasa sektor perlادangan dan pertanian.

FPA sentiasa komited dalam memastikan perancangan strategik yang ditetapkan setiap tahun sentiasa ada penambahbaikan. Bagi memastikan objektif strategik dicapai, analisa terhadap kekuatan, kelemahan, peluang dan ancaman terhadap fakulti telah dikenalpasti. Melalui Unit Pengurusan Risiko, aktiviti yang dirancang juga akan dianalisis bagi memastikan ianya selaras dengan KPI universiti dan mengenalpasti impak projek yang dilaksanakan terhadap FPA dan UiTM. Dokumen ‘Panduan Pengurusan Risiko’ serta ‘Daftar Risiko’ menjadi panduan dalam menangani, menilai, mengawal dan memastikan langkah pengawalan risiko berkenaan efektif. Contoh analisis impak objektif strategik oleh Unit Pengurusan Risiko serta kenyataan dokumen rujukan bagi menangani risiko adalah seperti dipaparkan dalam Bukti 2.9.

Peratusan kejayaan yang direkodkan juga menjadi pengukur dalam menangani kegagalan mencapai objektif strategik. Pembentangan kemajuan oleh ketua projek pada suku tahun pertama dapat membantu mengenalpasti sebarang halangan yang dillalui dan tindakan pencegahan yang bersesuaian dapat diambil bagi memastikan projek yang tidak mencapai sasaran dapat diperbaiki bagi mencapai sasaran. Laporan perancangan strategik pada tahun sebelumnya juga sentiasa menjadi panduan dalam penambahbaikan dan hal ini juga turut dibincangkan dalam mesyuarat pengurusan eksekutif.

### **SENARAI BUKTI :**

1. [F0065\\_P01\\_PB04\\_PC03\\_20221\\_FPA\\_LAMPIRAN PERANCANGAN STRATEGIK 2.9.pdf](#)
- 2.
- 3.
- 4.
- 5.

## **2.5 INTEGRASI (INTEGRATION)**

Bagi memastikan objektif strategik yang dirangka mampu mencapai sasaran, pelbagai inisiatif telah dilakukan oleh pihak kepimpinan kanan FPA UiTM. Antara inisiatif utama yang dijalankan adalah melalui program ‘Amanat Dekan’. Melalui program ini, Dekan akan membentangkan pencapaian strategik tahun sebelumnya dan seterusnya memaklumkan sasaran objektif strategik tahun semasa untuk makluman warga FPA UiTM. Selain itu, timbalan dekan juga akan turut bersama dalam memastikan objektif strategik yang dirangka dapat dicapai.

Seterusnya, setelah pemakluman dibuat kepada warga FPA, jabatan yang berkaitan memainkan peranan penting dalam merangka program yang bersesuaian bagi mencapai sasaran objektif strategik ini. Bertetapan dengan bidang tumpuan yang memberi fokus terhadap pembangunan dan pengurusan pelajar, bahagian pengurusan Hal Ehwal Pelajar (HEP) memainkan peranan utama dalam merealisasikan sasaran KPI FPA UiTM.

Program-program yang telah dirancang akan dibentangkan kepada ahli mesyuarat bagi mendapat kesepakatan dan kelulusan terhadap penggunaan sumber yang melibatkan kewangan.

Program yang telah diluluskan juga akan digerakkan oleh ketua projek yang dilantik berserta AJK yang bertanggungjawab melaporkan kemajuan dalam projek yang dirangka. Selain amanat yang disampaikan, kepimpinan kanan juga akan memaklumkan kepada warga fakulti berkenaan dengan pencapaian yang telah dicapai, dan aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan pada tahun semasa. Antara program yang dirancang dan dilaksanakan bagi mencapai inisiatif strategik dalam bidang tumpuan adalah seperti yang dipaparkan di dalam Bukti 2.10.

Program yang dirancang mempunyai matlamat untuk merealisasikan objektif strategik yang ditetapkan bagi memantapkan pembangunan dan pengurusan pelajar seterusnya mampu melahirkan pelajar cemerlang, gemilang dan terbilang yang akhirnya dapat memenuhi hasrat UiTM untuk menjadi ‘Globally Renowned University’ menjelang 2030. Ia juga dapat membantu mencapai objektif strategik Kementerian Pendidikan dalam menghasilkan pelajar yang bukan sahaja berilmu, malah mempunyai akhlak yang baik serta unggul diperingkat global. Oleh itu, aspirasi kerajaan dalam menghasilkan modal insan yang dapat memenuhi pasaran industry dan seterusnya mampu meningkatkan ekonomi negara akan tercapai menjelang 2030.

### **SENARAI BUKTI :**

1. [F0065\\_P01\\_PB05\\_20221\\_FPA\\_LAMPIRAN PERANCANGAN STRATEGIK 2.10.pdf](#)
- 2.
- 3.
- 4.
- 5.

## **KRITERIA 3 : TUMPUAN KEPADA PELANGGAN**

### **3.1 RINGKASAN EKSEKUTIF**

Perancangan (plan) adalah penting bagi memastikan pengurusan dan pembangunan pelajar dapat dicapai sepenuhnya. Oleh yang demikian dalam perancangan aktiviti pelajar beberapa proses dan tatacara perlu diikuti dan dipatuhi. Perancangan program mestilah sesuai dengan objektif dan tujuan penubuhan Persatuan/Kelab. Selain itu, Persatuan/Kelab perlu berbincang dengan penasihat terlebih dahulu berkaitan perancangan dan pelaksanaan aktiviti. Segala panduan aktiviti dan dokumen telah tersedia di laman sesawang UiTM dan staf di BHEP dan BHEA sedia membantu pelajar. Pelaksanaan aktiviti hendaklah sama seperti yang dirancang dalam kertas kerja. Sebarang perubahan perlu mendapat kelulusan dari BHEP bagi aktiviti bukan akademik dan BHEA bagi aktiviti akademik.

Setelah perancangan mendapat kelulusan, pelaksanaan (do) mengikut garis panduan university akan dilaksanakan. Pelaksanaan yang mensasarkan pembangunan pelajar merangkumi Tiga aspek utama iaitu program mobility dengan pihak luar, inovasi dan kemasyarakatan serta kepimpinan dan keusahawanan. Berbanding tahun 2020, terdapat peningkatan pelbagai aktiviti yang telah dianjurkan dan disertai oleh FPA sepanjang tahun 2021 memandang negara telah beralih ke fasa endemik.

Pemantauan (check) bagi memastikan pengurusan dan pembangunan pelajar yang berkesan telah dilaksanakan adalah penting. Pemantauan merangkumi kewajipan menghantar Laporan Pelaksanaan Aktiviti, Borang soal selidik aktiviti pelajar, Borang maklumbalas pelanggan, mesyuarat post-mortem dan audit dari semasa ke semasa.

Tindakan penambahbaikan (Act) penting dalam memastikan objektif pembangunan pelajar dapat dicapai dan sebarang kelemahan dapat dibaiki. Penambahbaikan ini merangkumi kursus seperti

### **3.2 PENDEKATAN (APPROACH)**

Adalah menjadi polisi Fakulti Perladangan dan Agroteknologi, UiTM untuk mengutamakan kehendak dan kepuasan pelanggan sebagai fokus utama dalam setiap perancangan dan pelaksanaan aktiviti. Untuk memastikan tumpuan kepada pelanggan dapat direalisasikan melalui kaedah yang betul, dokumen seperti Pelan Perancangan Strategik, Manual Kualiti serta Prosedur Kualiti disediakan sebagai rujukan dan tujuan rekod. Keutamaan pelanggan FPA adalah berdasarkan piagam pelanggan UiTM iaitu seperti rajah berikut (Lampiran 1). Pelajar merupakan pelanggan utama bagi university, diikuti staf, ibubapa, industri dan pihak berkepentingan. Bagi menjelaskan proses membuat Pelan Perancangan Strategik dan langkah-langkah perlaksanaannya untuk pelanggan utama iaitu pelajar, manual prosedur kerja adalah penting (lampiran 2). Skop prosedur kerja ini meliputi proses menyusun perancangan Hal Ehwal Pelajar bagi memastikan perancangan yang dibuat dipantau dan mencapai objektif yang disasarkan, kajian semula dan tindakan-tindakan bagi memastikan sasaran tercapai

#### **SENARAI BUKTI:**

1. [F0065\\_T01\\_TB02\\_20221\\_Lampiran 1 Piagam Pelanggan UiTM.pdf](#)
2. [F0065\\_T01\\_TB02\\_20222\\_Lampiran 2 Manual Prosedur Kerja.pdf](#)
- 3.
- 4.
- 5.

### **3.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)**

Pengurusan data-data pelajar yang merupakan pelanggan utama Fakulti Perladangan & Agroteknologi adalah amat penting bagi memastikan pembangunan pelajar dapat dijalankan dengan berkesan bagi mencapai visi dan misi Fakulti selaras dengan objektif utama iaitu bagi melahirkan graduan berkualiti yang kompetitif dan berupaya membawa transformasi dalam sektor perladangan dan pertanian. Data yang dimaksudkan adalah seperti di dalam Lampiran 3

Data serta maklumat dari pelanggan ini dikumpul melalui pelbagai cara bagi menilai kecekapan dan keberkesanan sesuatu program yang melibatkan para pelajar. Pihak pengurusan akademik serta hal ehwal pelajar berganding bahu dengan berusaha mewujudkan sistem penilaian yang berkesan. Data yang diperolehi akan dinilai secara terperinci bagi memastikan hasil analisis adalah tepat dan dapat membuat penambahbaikan kelak. Data- data ini dikumpul, disimpan dan dikenal pasti melalui templat aktiviti yang merangkumi senarai persatuan dan kelab yang terlibat, kategori aktiviti, ringkasan aktiviti dan tempat aktiviti yang dijalankan. Manakala, pejabat bendahari bertanggungjawab dalam menguruskan semua data kewangan dan peruntukan untuk pelajar. Selain dari templat, borang kaji selidik atau lebih dikenali dengan “survey form” juga digunakan untuk mengukur tahap pencapaian pelajar dalam latihan industri atau praktikal dan juga untuk mengumpul maklumat tentang “graduate employability”. Justeru itu, bagi memastikan kualiti pelajar dinilai, pencapaian secara individu juga diukur seperti dengan menagadakan Majlis Anugerah Pelajar dan Anugerah Tokoh Pelajar bagi setiap semester. Anugerah ini adalah untuk memilih pelajar yang cemerlang dalam aspek akademik dan sosial yang dinilai oleh para pensyarah serta daripada pelajar sendiri. Pengurusan maklumat pelajar ini dijalankan melalui beberapa kaedah seperti di dalam Lampiran 4

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [F0065\\_T01\\_TB03\\_20221\\_Lampiran 3 Pengurusan Data serta Maklumat dari Pelanggan.pdf](#)
2. [F0065\\_T01\\_TB03\\_20222\\_Lampiran 4 Kaedah-kaedah Pengurusan Maklumat Pelajar.pdf](#)
- 3.
- 4.
- 5.

## **PEMBELAJARAN (LEARNING)\***

### **3.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)**

Pembelajaran yang berjalan dipantau melalui rekod kedatangan kerana ia hanya boleh ditandatangani ketika waktu pembelajaran sahaja (Lampiran 5). Melalui perbincangan dan penilaian berterusan juga, pemantauan dapat dilakukan dengan mudah. Ia juga dapat memberi kefahaman yang lebih baik kepada pelajar dengan intipati pelajaran (Lampiran 6)

#### **SENARAI BUKTI:**

1. [F0065\\_T01\\_TB04\\_TC01\\_20221\\_Lampiran 5 Senarai Kedatangan.pdf](#)
2. [F0065\\_T01\\_TB04\\_TC01\\_20222\\_Lampiran 6 Kaedah dan Penilaian.pdf](#)
- 3.
- 4.
- 5.

### **3.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)**

Risiko boleh didapati melalui pemantauan adalah seperti tekanan dari pihak pelanggan untuk menyiapkan tugas. Ia juga boleh melibatkan campurtangan dari ibubapa pelanggan yang mungkin kurang berpuas hati mengenai kaedah pengendalian pembelajaran kerana sistem pengendalian yang sedikit berbeza dari jurusan lain. Ini kerana jurusan perladangan memerlukan ketangkasan dan kecergasan untuk mengendalikan tugas (Lampiran 7)

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [F0065\\_T01\\_TB04\\_TC02\\_20221\\_Lampiran 7 Pengurusan Risiko.pdf](#)
- 2.
- 3.
- 4.
- 5.

### **3.4.3 MENGKAJI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)**

FPA telah melaksanakan tindakan penambahbaikan prestasi melalui penganjuran beberapa program memfokuskan penglibatan para pelajar dan merangkumi lima (5) kluster utama iaitu, keusahawan, kemasyarakatan, kemahiran insaniah, kebolehpasaran graduan dan inovasi. Di dalam konteks keusahawanan, pihak fakulti telah meluluskan penggunaan peruntukan dana keusahawan bank rakyat untuk aktiviti pengajaran dan pembelajaran berstruktur bagi projek cili fertigasi kebun nuri, seperti yang dilampirkan pada Lampiran 8

Disamping itu, aktiviti kemasyarakatan juga merupakan salah satu sudut yang difokuskan oleh pihak BHEP FPA. Satu sesi perkongsian dan pemindahan ilmu, iaitu program Agro Tour, telah dianjurkan hasil kerjasama kelab P110 FPA dengan SM Teknik Bukit Piatu, Melaka. Program Agro Tour ini bertujuan untuk membuka minda para peserta yang terdiri daripada komuniti seperti pelajar sekolah, dan mahasiswa/I FPA berkenaan bidang pekerjaan dalam pertanian serta memperkenalkan teknologi dalam sektor pertanian. Hal ini dapat dilihat di dalam (Lampiran 9)

Tidak ketinggalan juga, pihak FPA juga telah menganjurkan beberapa program untuk memastikan kemahiran para pelajar dapat ditingkatkan selaras dengan aktiviti pembelajaran mereka. Antara program yang telah dianjurkan adalah bengkel pengendalian dan pengurusan traktor yang sangat bermanfaat bagi pelajar yang perlu mengambil subjek kejuruteraan pertanian. Di samping itu bengkel fertigasi ‘Lets Fertigation’ dianjurkan untuk memberi pendedahan kepada pelajar tentang Teknik dan teknologi terkini dalam pertanian. Bengkel ini mampu mempersiapkan pelajar untuk menjadi usahawan fertigasi apabila tamat belajar nanti. Bagi pelajar pascasiswazah dan yang terlibat dengan penulisan tesis, bengkel thesis formatting workshop dan SPSS Workshop series 3.0 telah membantu pelajar untuk menghasilkan tesis yang baik dan berkualiti. Kursus Pro canva education juga telah mendedahkan pelajar kepada perisian terkini yang dapat membantu pelajar seperti membuat pembentangan dan menyiapkan tugas (Lampiran 10, Lampiran 11, Lampiran 12)

Salah satu perkara yang paling penting bagi pengurusan FPA adalah kebolehpasaran graduan kerana hal ini berkait rapat dengan hala tuju para pelajar selepas mereka bergraduasi. Oleh yang demikian, pihak pengurusan tertinggi FPA telah mengajurkan bengkel komunikasi berkesan dalam kepimpinan bagi penambahbaikan cara komunikasi berkesan dan menyediakan pelajar kepada alam pekerjaan

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [F0065\\_T01\\_TB04\\_TC03\\_20221\\_Lampiran 8 Kelulusan Fertigasi cili.pdf](#)
2. [F0065\\_T01\\_TB04\\_TC03\\_20222\\_Lampiran 9 Surat Kelulusan Agro Tour.pdf](#)
3. [F0065\\_T01\\_TB04\\_TC03\\_20223\\_Lampiran 10 SURAT KELULUSAN KURSUS ASAS PENGENDALIAN DAN PENYELENGGARAAN TRAKTOR.pdf](#)
4. [F0065\\_T01\\_TB04\\_TC03\\_20224\\_Lampiran 11 Surat Kelulusan Lets Fertigation.pdf](#)
5. [F0065\\_T01\\_TB04\\_TC03\\_20225\\_Lampiran 12 Surat Kelulusan Thesis Formatting Workshop.pdf](#)

### **3.5 INTEGRASI (INTEGRATION)**

Rentetan daripada tindakan dan penambahbaikan yang telah dilaksanakan oleh pihak pengurusan tertinggi FPA, kesemua anjuran telah mendapat sambutan yang sangat baik dan memberangsangkan. Hasil daripada kelulusan projek cili fertigasi, seramai 8 orang pelajar dibawah bimbingan seorang pensyarah FPA telah mendapat dana sebanyak RM 10,000.00 diperuntukkan untuk projek tersebut. Plot-plot penanaman juga dapat dilihat di dalam Lampiran 13

Disamping itu, program Agro Tour juga telah dilaksanakan pada 5 Julai 2022, melibatkan sejumlah 120 penyertaan dari pelajar sekolah. Program ini juga mendapat sambutan yang amat memberangsangkan dari pelajar (Lampiran 14)

Selain itu, bengkel pengendalian dan pengurusan traktor juga telah mendapat sambutan yang baik melibatkan penyertaan sebanyak 30 penyertaan dan telah dilaksanakan pada 11&12 Januari 2022. Di samping itu bengkel fertigasi ‘Lets Fertigation’ juga telah merekodkan sebanyak 65 penyertaan kerana telah mencukupi kuota yang diperuntukkan dan program ini telah dijalankan pada 11 Jun 2022. Bengkel thesis forming workshop yang dilaksanakan pada 14 Mei 2022 juga merekodkan penyertaan sebanyak 30 penyertaan. Kursus Pro canva education juga telah diadakan pada 24 Jun 2022 dengan 43 penyertaan. Selain itu program SPSS Workshop series 3.0 yang telah diadakan pada 2 Julai 2022 telah merekodkan penyertaan sebanyak 50 peserta (Lampiran 15, Lampiran 16, Lampiran

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [F0065\\_T01\\_TB05\\_20221\\_Lampiran 13 Pelaksanaan Projek Fertigasi cili.pdf](#)
2. [F0065\\_T01\\_TB05\\_20222\\_Lampiran 14 BULETIN AGRO TOUR.pdf](#)
3. [F0065\\_T01\\_TB05\\_20223\\_Lampiran 15\\_BULETIN\\_KURSUS\\_ASAS\\_PENGENDALIAN\\_& PENYELENGGARAAN\\_TRAKTOR.pdf](#)
4. [F0065\\_T01\\_TB05\\_20224\\_Lampiran 16 BULETIN LET'S FERTIGATION.pdf](#)
5. [F0065\\_T01\\_TB05\\_20225\\_Lanpiran 17 BULETIN THESIS FORMATTING WORKSHOP.pdf](#)

## **KRITERIA 4 : PENGUKURAN, ANALISIS DAN PENGURUSAN PENGETAHUAN**

### **4.1 RINGKASAN EKSEKUTIF**

Pengurusan dan pembangunan pelajar mengikut 6 kluster yang telah ditetapkan di analisa dari semasa ke semasa melalui pemantauan pegawai yang bertanggungjawab. Data-data yang berkaitan diukur melalui sistem pengukuran seperti bilangan dan peratus pencapaian telah digunakan. Sistem pamantauan adalah dilaksanakan setiap bulan dan suku tahun melalui sistem yang dipilih. Setiap risiko pengukuran analisa telah di rujuk pada manual kualiti FPA. Pencapaian setiap kluster di laporkan melalui sistem yang dipilih secara integrasi samaada menggunakan sistem secara general atau khusu dari UiTM. Hasil analisa dan penilaian akan digunakan sebagai panduan untuk penambahbaikan semasa dan jangka panjang

## **4.2 PENDEKATAN (APPROACH)**

Pembangunan dan pengurusan pelajar FPA di ukur melalui kluster yang telah ditetapkan. Setiap kluster diukur melalui peratusan indeks pencapaian. Pencapaian adalah perlu memenuhi kehendak sasaran yang di keluarkan oleh UiTM melalui BTU pada setiap awal tahun. Pencapaian fakulti adalah berubah-ubah pada setiap tahun bergantung kepada pencapaian fakulti pada tahun sebelumnya.

Pengumpulan data adalah mengikut carta alir prosedur pengurusan data dibawah tanggungjawab koordinator CSPI, unit yang bertanggungjawab, pegawai dokumen dan juga pembantu tadbir.

Pengukuran pencapaian dibentangkan dalam bentuk jadual item ukuran, peratus indeks pencapaian dan kekerapan data mengikut 6 kluster utama pembangunan pelajar.

Jadual pencapaian pembangunan pelajar adalah seperti di Bukti FPA- Lampiran 4.2.1 menunjukkan ukuran pencapaian kluster keusahawanan, kluster pengantarabangsaan, ukuran pencapaian tanggungjawab sosial korporat, ukuran kebolehpasaran graduan, kemahiran insaniah dan ukuran pencapaian inovasi.

### **SENARAI BUKTI:**

1. [F0065\\_A01\\_AB02\\_20221\\_FPA-Lampiran 4.2.1.pdf](#)

### **4.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)**

Data-data yang dilaporkan oleh pihak yang bertanggungjawab seperti Fakulti, BHEA, BHEP, PJI, dan lain-lain menjadi rujukan sebagai kaedah dalam menganalisa pencapaian setiap kluster. Data-data yang digunakan adalah dalam bentuk bilangan dan peratus pencapaian dimana kekerapan data yang dikumpulkan adalah berdasarkan setiap bulan dan setiap suku tahun.

Data yang diperolehi akan dikemaskini didalam sistem UePMO version 3. Pengemaskinian data akan dilakukan oleh penyelaras CSPI selepas mesyuarat laporan pelan strategik setiap bulan. Laporan CSPI menjadi sumber rujukan utama penganalisaan data-data. Kebolehcapaian ini menunjukkan Fakulti sentiasa bersedia dan berusaha dalam memastikan setiap perancangan dapat di laksanakan dengan jayanya.

Setiap program yang dilaksanakan juga dinilai melalui kajian kepuasan hati pelanggan terutamnya secara atas talian. Bukti 4.3.1 menunjukkan sistem UePMO version 3 yang digunakan.

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [F0065\\_A01\\_AB03\\_20221\\_FPA-Lampiran 4.3.1 Website UePMO.pdf](#)

## **PEMBELAJARAN (LEARNING)\***

### **4.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)**

Pemantauan secara bulanan dan pencapaian suku tahunan yang di laporkan oleh setiap unit kepada penyelaras CSPI akan di gunakan untuk menentukan pencapaian pembangunan pelajar. Hasil penganalisaan data melalui pembentangan di dalam mesyuarat oleh pihak yang bertanggungjawab dan pengemaskinian data di dalam sistem UePMO version 3 adalah lebih jelas. Penambahan prestasi pembangunan pelajar dapat di akses dengan lebih cepat dan tepat. Oleh itu, penambahan dapat di laksanakan dengan lebih komprehensif.

Melalui data terkumpul, perbandingan dibuat diantara pencapaian yang lepas dengan pencapaian semasa. Perkongsian maklumat telah diadakan melalui pelbagai platform seperti platform elektronik dan media massa.

Bukti 1 Lampiran 4.4.1.1 yang berikut menunjukkan contoh proses alir berkenaan pemantauan pencapaian dan penambahbaikan prestasi yang dilaksanakan dari semasa ke semasa.

#### **SENARAI BUKTI:**

1. [F0065\\_A01\\_AB04\\_AC01\\_20221\\_FPA-Lampiran 4.4.1.1 Carta Alir.pdf](#)

#### **4.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)**

Pengurusan risiko adalah amat penting dalam pengukuran analisa dan pengetahuan kerana boleh menjelaskan fokus dan pencapaian CSPI fakulti dan pelan strategic UiTM. Inisiatif pembangunan pelajar tidak dapat dilaksanakan dengan jayanya. Risiko pengukuran analisa dan pengurusan pengetahuann dikenalpasti berdasarkan manual kualiti MK. UITM. FPA. 01. Bukti 4.4.2.1 menunjukkan manual yang digunakan sebagai panduan pengurusan risiko.

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [F0065\\_A01\\_AB04\\_AC02\\_20221\\_FPA- Lampiran 4.4.2.1 Manual Kualiti FPA.pdf](#)

#### **4.4.3 MENGKAJI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)**

FPA menganalisa hasil tindakan untuk penambahbaikan setiap suku tahun di mana laporan akan di keluarkan kepada ketua PTJ. Oleh itu, langkah proaktif akan dapat di ambil untuk menambah serta memperkasakan perlaksanaan bidang tumpuan.

Di antara langkah yang di ambil, pemerkasaan program akan dilaksanakan dengan penglibatan pensyarah sebagai penasihat dimana pensyarah akan di berikan surat lantikan yang akan menyumbang kepada prestasi pensyarah.

Selain itu, pemantauan pencapaian ini juga dilakukan oleh Unit Kualiti bersama CSPI fakulti. Pembentangan status pencapaian ini akan mengambil kira pencapaian objektif, dapatkan audit dan status pencapaian CSPI yang secara tidak langsung dapat menambah baik pencapaian prestasi FPA selaras dengan Pelan strategik UiTM.

Bukti 4.4.1.1 menunjukkan contoh proses alir berkenaan pemantauan pencapaian dan penambahbaikan prestasi. Bukti 4.4.3.1 menunjukkan minit mesyuarat suku tahunan laporan CSPI dan contoh surat lantikan pensyarah.

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [F0065\\_A01\\_AB04\\_AC03\\_20221\\_FPA-Lampiran 4.4.3.1 Contoh Minit Mesyuarat MPE dan Contoh Surat Lantikan.pdf](#)
2. [F0065\\_A01\\_AB04\\_AC03\\_20222\\_FPA-Lampiran 4.4.3.2 Contoh Minit Mesyuarat MPE dan Contoh Surat Lantikan.pdf](#)

#### **4.5 INTEGRASI (INTEGRATION)**

Hasil penganalisaan data digunakan secara komprehensif di mana data dikumpulkan di dalam e-fail yang boleh diakses oleh pegawai yang bertanggungjawab. Platform seperti "Google Drive" dan sistem lain seperti sistem "MASMED" , "MYENT", dan "SMART" adalah di antara medium yang diguna pakai. Sebarang pelaporan,dan data akan di kemaskini dan di pantau secara langsung oleh penyelaras CSPI. Sebarang komen dan penambahbaikan akan di malumkan secara terus. Pelaporan melalui cara ini juga dapat dikemaskini dengan lebih cepat, tepat dan jitu.

Bukti 4.5.1 menunjukkan contoh medium yang digunakan untuk menganalisa dan menambah baik data oleh pegawai yang bertanggungjawab.

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [F0065\\_A01\\_AB05\\_20221\\_FPA-Lampiran 4.5.1 Medium Yang Digunakan Untuk Pelaporan & Analisa.pdf](#)

## **KRITERIA 5: TUMPUAN KEPADA SUMBER MANUSIA**

### **5.1 RINGKASAN EKSEKUTIF**

Sumber manusia merupakan komponen yang utama dalam merealisasikan visi, misi dan objektif di bahagian fakulti. Dari pandangan perspektif fakulti sumber manusia dapat didefinisikan sebagai pelajar yang mengikuti kursus yang telah ditawarkan oleh fakulti serta staf yang berkhidmat dalam menguruskan hal ehwal pelajar khususnya. Pengurusan yang baik dan sistematik bagi sesuatu bahagian terutamanya dalam hal ehwal pelajar bermula dari perancangan yang teliti, pelaksanaan yang sistematik dan pelaporan yang komprehensif. Oleh yang demikian, pengagihan sumber manusia atau lebih tepat lagi ialah staf serta ahli-ahli jawatankuasa yang boleh terdiri daripada pelajar dan staf adalah penting dalam menjayakan apa jua perancangan program.

### **PERANCANGAN (PLAN)**

Bagi setiap aktiviti yang ingin dilaksanakan perancangan haruslah dibuat dengan teliti dengan mengambil kira penglibatan sumber manusia yang berkaitan. Perancangan akan melibatkan kelab-kelab pelajar yang diterajui oleh presiden kelab dan dikelola oleh ahli jawatankuasa masing-masing. Setiap kelas juga akan dinasihat oleh Penasihat yang terdiri daripada kalangan pensyarah yang akan bersama-sama turut terlibat dalam proses perancangan.

Perancangan apa jua program akan tertakluk kepada semester-semester setiap tahun supaya setiap semester ataupun sesi pengajian akan ada penglibatan kelab-kelab yang berada di bawah BHEP. Aktiviti yang telah dirancang hendaklah diterjemahkan ke dalam kertas kerja yang komprehensif agar objektif dan tatacara program dapat diselaraskan dengan kehendak fakulti

Setiap aktiviti atau program yang telah dirancang hendaklah diambil tindakan oleh pelajar atau penasihat dengan mengisi Borang Permohonan Mengadakan Aktiviti Pelajar (Borang C) yang boleh dimuat turun daripada laman sesawang fakulti. Laman sesawang fakulti yang menyeluruh membolehkan perancangan program mudah untuk melalui proses permohonan dan memuat turun borang-borang yang berkennaan

### **PELAKSANAAN (DO)**

Pelaksanaan program adalah tertakluk kepada kelulusan kertas kerja yang telah dibentangkan oleh pelajar dalam mesyuarat TAPA. Segala perubahan daripada tarikh asal yang telah diluluskan pula hendaklah mendapat kelulusan terlebih dahulu. Ahli jawatankuasa yang telah ditubuhkan bagi mengendalikan mana-mana program akan bertanggungjawab untuk melaksanakan keseluruhan program dari awal sehingga akhir. Program juga hendaklah dilaksanakan mengikut kelulusan bajet yang telah diisi ke dalam Borang C.

### **PEMANTAUAN (CHECK)**

Setelah penyempurnaan program, laporan hendaklah dibuat oleh setiausaha program. Laporan program adalah amat penting agar pemantauan dapat dilakukan untuk melihat keberkesanan perlaksanaan program. Selain itu, laporan juga akan menunjukkan sekiranya objektif yang telah diletakkan semasa perancangan projek telah dicapai. Bagi menyiapkan laporan program, setiausaha hendaklah memuat turun format laporan yang jugak boleh didapati dengan memasuki laman sesawang fakulti. Laporan yang telah lengkap hendaklah dihantar ke BHEP fakulti. Penyediaan laporan ini juga amatlah penting sekiranya ada pemantauan seperti audit sama ada Audit Dalaman Fakulti atau Audit Luar dari Fakulti

Proses pemantauan melalui audit ini dapat meneliti proses perancangan dan pelaksanaan

program supaya mengikut tatacara yang betul di peringkat fakulti maupun universiti.

### **PENAMBAHBAIKAN (ACT)**

Penambahbaikan dalam sumber manusia akan diambil kira daripada borang maklumbalas yang akan diedarkan selepas mana-mana program berakhir. Analisis borang berkenaan akan menunjukkan apakah yang perlu ditambahbaik. Selain itu, laporan akhir daripada penemuan auditor akan turut membantu dalam proses penambahbaikan.

## **5.2 PENDEKATAN (APPROACH)**

Kaedah pengurusan sumber manusia untuk menjayakan bidang tumpuan pilihan ialah mengamalkan budaya kreatif dan inovasi di kalangan pelajar melalui pembelajaran dan pengajaran. Selain itu, pelajar juga berpeluang menyertai program yang ditawarkan oleh pihak fakulti dan juga universiti. Hasil produk daripada program yang disertai juga dapat di nilai dan akan di bahagikan mengikut beberapa kriteria seperti penghasilan produk, kemahiran berkomunikasi, kerjasama berkumpulan dan beretika.

Tambahan pula, keberkesanan penghasilan produk juga dititik beratkan untuk tujuan pengkomersialan supaya menjadi tumpuan kepada pengguna. Bagi untuk menambah baik hasil yang dikeluarkan, komen serta pandangan daripada pengguna juga dapat memenuhi kriteria hasil produk yang dikeluarkan. Oleh kerana itu, pihak BHEP fakulti sentiasa memberi peluang dan ruang kepada pelajar untuk mengetengahkan hasil inovasi mereka kepada orang awam.

Selain itu, untuk menjayakan hasil produk, kemudahan kelengkapan alatan dan prasarana juga memainkan peranan yang penting untuk penggunaan oleh para pelajar. Kerjasama daripada kalangan staf sedikit sebanyak dapat menjayakan dan memberi impak kepada perjalanan sesuatu aktiviti.

Sehubungan itu, pendekatan antara pelajar dan staf juga merupakan peranan yang penting untuk mencapai agenda universiti. Pelajar merupakan fokus utama bagi kebolehan dan keupayaan dalam melaksanakan program-program yang berteraskan inovasi. Penglibatan pelajar secara tidak langsung dapat membolehkan pihak universiti untuk mengenalpasti potensi, kebolehan keupayaan dan daya fikir yang kreatif untuk menyelesaikan masalah terutama sekali dalam bidang pertanian dan perladangan.

Hasil produk yang inovasi yang pelajar hasilkan memberi pendekatan yang baik antara pelajar dan universiti serta memberi impak yang positif terhadap pandangan orang luar. Pihak fakulti dan universiti juga dapat turut sama berbangga dapat melahirkan pelajar yang berinovasi dan mampu berdaya saing dengan dunia luar (Lampiran 5.2.1).

### **SENARAI BUKTI:**

1. [F0065\\_S01\\_SB02\\_20221\\_FPA\\_LAMPIRAN TUMPUAN KEPADA SUMBER MANUSIA 5.2.1.pdf](#)
- 2.
- 3.
- 4.
- 5.

### **5.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)**

Bahagian BHEP merupakan satu unit terpenting untuk memastikan kelancaran segala program yang dianjurkan oleh pihak kampus. BHEP yang diterajui oleh Timbalan Dekan Hal Ehwal Pelajar dan lima orang koordinator bertanggungjawab dalam pengurusan dan perlaksanaan program di bawah kelolaan BHEP dengan mengoptimakan kepakaran dan pengalaman sumber manusia (Lampiran 5.3.1). BHEP juga berperanan untuk memastikan kemudahan alatan yang akan diguna pakai serta kawasan untuk pelajar menghasilkan produk inovasi yang bakal di komersialkan atau dinilai oleh pihak yang berperanan.

Selain itu, untuk mengoptimakan kepakaran dan pengalaman untuk menjayakan bidang tumpuan pilihan, pihak BHEP juga boleh menguar-uarkan aktiviti yang dijalankan oleh pihak kampus dengan agensi-agensi luar dan masyarakat setempat. Hal ini kerana, pelajar juga berpeluang untuk memperkenalkan hasil produk yang dilakukan kepada agensi luar serta sekaligus dapat juga pengalaman yang baru untuk diterapkan kepada pelajar selepas menghasilkan sesuatu produk.

Tambahan pula, bantuan daripada kalangan staf kepada pelajar juga dapat menjayakan aktiviti universiti bagi menjayakan hasil produk yang dilakukan. Staff juga diberi peluang untuk memberi idea serta memberi tunjuk ajar kepada pelajar supaya penghasilan produk berguna kepada pengguna.

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [F0065\\_S01\\_SB03\\_20221\\_FPA\\_LAMPIRAN TUMPUAN KEPADA SUMBER MANUSIA 5.3.1.pdf](#)
- 2.
- 3.
- 4.
- 5.

## **PEMBELAJARAN (LEARNING)\***

### **5.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)**

Bagi melihat tahap kepuasan hati pelajar dan peserta terhadap apa jua program atau majlis yang dibawah pengelolan BHEP tidak kira sama ada di bawah persatuan atau kelab mahupun secara langsung di bawah BHEP, satu templat borang maklumbalas telah dibuat oleh BHEP (Lampiran 5.4.1(1)). Templat ini akan digunakan tidak kira apa objektif program selagi program tersebut diletakkan di bawah BHEP.

Borang maklumbalas ini berfungsi sebagai pengukur keberkesan dan kepuasan hati peserta terhadap program anjuran BHEP yang akan menilai beberapa kriteria menggunakan skala 1 hingga 5. 1 akan memberi indikator tidak memuaskan dan 5 akan adalah merujuk kepada sangat baik. Kriteria yang dinilai adalah seperti kepuasan terhadap penceramah, keberkesan latihan/program sebelum dan selepas latihan/program. Mengikut kepada aliran zaman dan IR4.0 serta Big Data. Segala maklumbalas adalah dibuat melalui aplikasi google form. Hasil daripada setiap maklumbalas juga adalah mudah dianalisa menggunakan aplikasi Google Form berkenaan (Lampiran 5.4.1(3)).

Aduan sumber manusia juga boleh dilakukan melalui laman sesawang e-aduan di mana setiap aduan terus disalurkan ke pengurusan kampus dan tindakan diambil oleh pihak berkenaan/ pegawai yang bertanggungjawab (Lampiran 5.4.1(2)). Secara keseluruhan, pada tahun 2020 dan 2021 semua aduan sumber manusia telah berjaya diambil tindakan dalam tempoh yang ditetapkan dan dimaklumkan kepada pelanggan hasil tindakan.

### **SENARAI BUKTI:**

1. [F0065\\_S01\\_SB04\\_SC01\\_20222\\_FPA\\_LAMPIRAN TUMPUAN KEPADA SUMBER MANUSIA 5.4.1\(1\).pdf](#)
2. [F0065\\_S01\\_SB04\\_SC01\\_20222\\_FPA\\_LAMPIRAN TUMPUAN KEPADA SUMBER MANUSIA 5.4.1\(2\).pdf.pdf](#)
3. [F0065\\_S01\\_SB04\\_SC01\\_20221\\_FPA\\_LAMPIRAN TUMPUAN KEPADA SUMBER MANUSIA 5.4.1\(3\).pdf](#)
- 4.
- 5.

#### **5.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)**

Pengurusan risiko melibatkan beberapa peringkat dan langkah (Rajah 5.4.2 (1)). Secara ringkasan, peringkat pertama ialah mengenalpasti risiko, diikuti dengan menganalisis risiko, menilai risiko dan peringkat yang terakhir ialah menentukan pelan rawatan dan tindakbalas. Setiap peringkat ini dilengkapi dengan komunikasi dan konsultasi yang sewajarnya serta melibatkan pemantauan dan kajian semula.

Pengurusan risiko ini diketuai oleh seorang penyelaras pengurusan risiko bahagian BHEP. Tugas dan tanggungjawab beliau ialah mengadakan perbincangan dengan pihak pengurusan fakulti, membuat pemakluman mengenai penghantaran daftar risiko, menerima daftar risiko, membuat analisa pengurusan risiko, membuat semakan laporan dan semakan tindakan, menghantar semakan laporan ke urusetia ISO untuk persediaan dokumen pembentangan mesyuarat, menyediakan laporan dan bentang dalam mesyuarat, menghantar laporan ke Unit Pengurusan Risiko Universiti dan akhir sekali membuat semakan ke atas keberkesanan langkah-langkah yang diambil.

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [E0065\\_S01\\_SB04\\_SC02\\_20221\\_RAJAH 5.4.2\(1\) Proses Pengurusan Risiko & Peluang.pdf](#)
- 2.
- 3.
- 4.
- 5.

### **5.4.3 MENGKAJI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)**

Bahagian HEP FPA telah menggunakan beberapa mekanisme bagi mengukur tahap kepuasan tenaga kerja dan mengambil kira kesemua maklum balas yang diterima daripada tenaga kerja. Antara mekanisme yang digunakan adalah seperti di dalam rajah 5.1.

Segala laporan, aduan dan maklum balas yang diterima oleh Bahagian HEP akan dibincangkan bagi mencari jalan penyelesaian terhadap setiap permasalahan yang timbul. Bagi menghargai sumbangan dan komitmen kakitangan yang terlibat di dalam aktiviti pelajar, surat lantikan dikeluarkan kepada staf yang terlibat yang boleh digunakan untuk permohonan kenaikan pangkat. Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) juga diberikan kepada staf bagi menyuntik semangat kepada staf untuk terus memberikan perkhidmatan yang terbaik.

Bagi meraikan penglibatan pelajar pula, pelbagai kategori anugerah diwujudkan bagi meraikan sumbangan dan kejayaan di dalam bidang akademik dan kepimpinan yang diraih pelajar. Anugerah tersebut pula akan disampaikan di dalam Majlis Pra-Graduan dan Majlis Anugerah Dekan yang diadakan dua kali setahun. Selain itu, para pelajar yang aktif dan giat terlibat di dalam kelab-kelab di bawah fakulti turut diberikan pengiktirafan dan penghargaan terhadap kecemerlangan individu, badan persatuan serta pelaksanaan program dan aktiviti pelajar. Pegiktirafan dan penghargaan berkenaan akan disampaikan dalam Majlis Kecemerlangan Kelab Persatuan dan Pelajar (MAKEP) yang diadakan setiap tahun (Lampiran 5.4.3(1)).

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [F0065\\_S01\\_SB04\\_SC03\\_20221\\_RAJAH 5.1 Mekanisme Pengukur Kepuasan Tenaga Kerja.pdf](#)
- 2.
- 3.
- 4.
- 5.

## **5.5 INTEGRASI (INTEGRATION)**

Sebagai tanda penghargaan kepada pelajar dan staf yang mencapai kecemerlangan dalam bidang inovasi, fakulti mengambil inisiatif untuk menunjukkan penghargaan melalui hebahan dan pengiktirafan. Di peringkat fakulti, beberapa anugerah telah diberikan kepada staf yang berjaya menghasilkan hasil inovasi untuk diketengahkan pada tahun 2021. Anugerah tersebut tersebut terdiri daripada kejayaan warga fakulti yang berjaya dalam bidang inovasi iaitu melalui penyertaan dalam pertandingan inovasi dan produk yang berjaya dipatenkan dan bidang penyelidikan dari segi geran dan penerbitan.

Penghargaan ini diberikan semasa Majlis Apresiasi Staf yang kebiasaannya dianjurkan setahun sekali. Malah, hebahan bagi kejayaan setiap peserta dari warga fakulti akan dihebahkan melalui aplikasi ‘whatapps’ dan email. Hal ini bertujuan sebagai tanda perhargaan kepada mereka yang berjaya membawa kejayaan kepada pihak fakulti di persada dunia di samping menjadi perangsang kepada mereka yang lain untuk turut sama berbakti kepada fakulti kelak.

Hasil daripada kerjasama dan usaha dari semua pihak fakulti dalam menerapkan budaya inovasi, beberapa kejayaan telah berjaya dicapai. Kejayaan ini terdiri dari pelbagai bidang dan peringkat. Pihak BHEP juga banyak membudayakan pelaksanaan program atau aktiviti yang mendedahkan kepada budaya inovasi tidak kira kepada pelajar mahupun staf (Lampiran 5.5.1 & Lampiran 5.5.2). Ini juga dapat dilihat pada Lampiran 5.5.3 yang menunjukkan antara program-program anjuran BHEP dalam tahun 2021.

### **SENARAI BUKTI :**

1. [F0065\\_S01\\_SB05\\_20221\\_FPA\\_LAMPIRAN TUMPUAN KEPADA SUMBER MANUSIA 5.5.1.pdf.pdf](#)
2. [F0065\\_S01\\_SB05\\_20222\\_FPA\\_LAMPIRAN TUMPUAN KEPADA SUMBER MANUSIA 5.5.2.pdf.pdf](#)
3. [F0065\\_S01\\_SB05\\_20223\\_FPA\\_LAMPIRAN TUMPUAN KEPADA SUMBER MANUSIA 5.5.3.pdf.pdf](#)
- 4.
- 5.

## **KRITERIA 6 : TUMPUAN KEPADA OPERASI**

### **6.1 RINGKASAN EKSEKUTIF**

Dalam membentuk dan meningkatkan potensi bakal graduan Fakulti Perladangan dan Agroteknologi, pihak Hal Ehwal Pelajar (HEP) fakulti amat menitikberatkan aspek pengurusan dan pembangunan aktiviti dengan adanya enam kluster utama menjadi pilihan iaitu; Keusahawanan, International, Corporate Social Responsibility, Soft Skill/Student Development, Graduate Employability dan Innovation. Aktiviti-aktiviti yang berteraskan tunjang utama ini dapat mengetengahkan bakat pelajar di samping membina jaringan ukhwah bersama masyarakat dan agensi atau industri dalam usaha melahirkan graduan yang holistik.

## **6.2 PENDEKATAN (APPROACH)**

Berikut adalah cara pendekatan yang berkesan dan sistematik sebagai responsif Fakulti Perladangan & Agroteknologi kepada keperluan yang pelbagai untuk perlaksanaan yang telah dijalankan terutama di bahagian Hal Ehwal Pelajar : Table 6.1

### **SENARAI BUKTI:**

1. [F0065\\_O01\\_OB02\\_20221\\_FPA\\_Lampiran Tumpuan Kepada Operasi 6.1.pdf](#)
- 2.
- 3.
- 4.
- 5.

### **6.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)**

Model gerak kerja proses yang diamalkan di Fakulti Perladangan & Agroteknologi adalah bermula dari peringkat strategi input hingga ke peringkat penambahbaikan dalam memastikan program yang dijalankan memberi impak pada waktu semasa dan mendatang. Model gerak kerja pelajar FPA adalah seperti berikut: RAJAH 6.1

Berdasarkan model gerak kerja tersebut, aktiviti pembangunan pelajar telah dijalankan dengan jayanya. Bermula dengan strategi input, proses pelaksanaan dan seterusnya menghasilkan output yang memenuhi objektif program dan membantu ke arah pencapaian yang lebih tinggi dalam menghasilkan kerjasama di peringkat Asia.

Rajah seterusnya menunjukkan antara program anjuran FPA yang menghasilkan pencapaian yang menggalakkan dalam memetakan nama Universiti Teknologi MARA di mata dunia, bermula dari program peringkat fakulti ke peringkat kebangsaan dan seterusnya peringkat Asia. Carta alir pelaksanaan program di Fakulti Perladangan & Agroteknologi adalah seperti berikut: RAJAH 6.2

Program di peringkat fakulti ini bermula dengan strategi input melalui perbincangan di antara penasihat persatuan bersama ahli persatuan berkaitan program yang hendak dijalankan. Seterusnya, idea tersebut akan diperhalusi melalui kertas kerja yang akan dibentangkan di dalam Mesyuarat Tabung Amanah Pelajar. Hasil perbincangan bersama pihak pengurusan, penasihat program dan ahli tertinggi persatuan dapat memperbaiki pengurusan program dari segi pelaksanaan program dan pengurusan kos. Proses ini adalah termaktub di dalam Manual Pengurusan Aktiviti Pelajar Universiti Teknologi MARA yang dikeluarkan oleh Pusat Kegiatan Pelajar BHEP dan Alumni Universiti Teknologi MARA Shah Alam. Di antara garis panduan yang menjadi rujukan pihak HEP fakulti dalam memastikan aktiviti yang dijalankan oleh pelajar mematuhi prosedur yang ditetapkan iaitu: Rajah 6.3

Seterusnya, Rajah 6.4 menjelaskan carta alir bagi proses mendapatkan kelulusan program dan belanjawan yang diguna pakai di Fakulti Perladangan & Agroteknologi.

Sementara itu, bagi program mobiliti pelajar ke luar negara seperti Jelajah Anak Muda Malaysia ke Indonesia, pihak BHEP telah mematuhi carta alir proses ke luar negara untuk program mobiliti pelajar international seperti yang digambarkan pada Rajah 6.5

Kertas kerja aktiviti pelajar yang telah mematuhi kehendak fakulti dari segi objektif, implikasi kos dan pengurusan akan menerima surat kelulusan program seperti di dalam Rajah 6.6. Dalam pelaksanaan program, organisasi yang telah dibentuk untuk menjayakan program turut dibantu oleh bahagian pengurusan seperti Unit Korporat Fakulti jika melibatkan jemputan-jemputan kehormat seperti Perdana Menteri, Menteri Besar dan exco-exco jabatan kerajaan.

Prosedur yang sama diguna pakai untuk hebahan program, seperti ‘banner’ dan poster hebahan hendaklah mendapat semakan daripada Unit Korporat Fakulti terlebih dahulu terutama aktiviti kemasyarakatan yang melibatkan orang awam dan agensi dalam memastikan ketepatan

penggunaan ejaan, penggunaan logo dan grafik. Selain itu, bagi aktiviti yang memerlukan kupon aktiviti pelajar dan sijil aktiviti untuk diedarkan semasa atau selepas aktiviti berlangsung sebagai pengesahan kehadiran pelajar dalam sesuatu program yang dianjurkan, perlu mengikut proses kerja permohonan kupon dan sijil aktiviti seperti yang telah ditetapkan.

Semasa pelaksaan program, penasihat program yang terdiri daripada pensyarah atau staf pentadbiran bersama-sama dengan organisasi memantau dan memastikan kelancaran pelaksanaan program.

**SENARAI BUKTI :**

1. [F0065\\_O01\\_OB03\\_20221\\_FPA\\_Lampiran Tumpuan Kepada Operasi 6.2.pdf](#)
2. [F0065\\_O01\\_OB03\\_20222\\_FPA\\_Lampiran Tumpuan Kepada Operasi 6.3.pdf](#)
3. [F0065\\_O01\\_OB03\\_20223\\_FPA\\_Lampiran Tumpuan Kepada Operasi 6.4.pdf](#)
4. [F0065\\_O01\\_OB03\\_20224\\_FPA\\_Lampiran Tumpuan Kepada Operasi 6.5.pdf](#)
5. [F0065\\_O01\\_OB03\\_20225\\_FPA\\_Lampiran Tumpuan Kepada Operasi 6.6.pdf](#)

## **PEMBELAJARAN (LEARNING)\***

### **6.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)**

Pemantauan program dilakukan secara terus semasa perjalanan program oleh penasihat program dan pensyarah dan staf HEP fakulti yang bertugas. Selepas program, pelaporan program perlu dihantar dalam bentuk ‘hard copy’ berserta CD yang mengandungi ‘soft copy’ laporan dan gambar sepanjang program dijalankan kepada pihak HEP fakulti dalam tempoh 2 minggu selepas program berlangsung.

Prosedur untuk proses pemantauan dilampirkan di dalam Rajah 6.7 yang berikut

#### **SENARAI BUKTI:**

1. [F0065\\_O01\\_OB04\\_OC01\\_20221\\_FPA\\_Lampiran Tumpuan Kepada Operasi 6.7.pdf](#)
- 2.
- 3.
- 4.
- 5.

#### **6.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)**

Pengurusan risiko dijalankan dengan memastikan setiap program yang akan dijalankan mempunyai pelan kedua sekiranya berlaku masalah teknikal seperti kegagalan alat untuk berfungsi, ruang program yang terhad dan sebagainya. Dari segi keselamatan, program-program yang melibatkan VVIP akan melibatkan bantuan dari pihak polis universiti.

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [F0065\\_O01\\_OB04\\_OC02\\_20221\\_FPA\\_Lampiran Tumpuan Kepada Operasi 6.8.pdf](#)
- 2.
- 3.
- 4.
- 5.

#### **6.4.3 MENGKAJI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)**

Keberkesanan program dianalisa melalui dua kaedah iaitu ‘post-mortem’ di kalangan ahli dalam komuniti program dan maklum balas daripada peserta. Hasil daripada analisa ini membantu dalam mengenalpasti kelemahan yang perlu diperbaiki untuk penambahbaikan bagi program yang mendatang. Antara contoh penambahbaikan yang dilaporkan adalah maklum balas daripada peserta bagi program Majlis Anugerah Kelab dan Kesatuan (MAKEP) yang melibatkan semua pelajar yang menjadi ahli kelab dan persatuan.

##### **SENARAI BUKTI :**

1. [F0065\\_O01\\_OB04\\_OC03\\_20221\\_FPA\\_Lampiran Tumpuan Kepada Operasi 6.9.pdf](#)
- 2.
- 3.
- 4.
- 5.

## **6.5 INTEGRASI (INTEGRATION)**

Berdasarkan respon yang baik daripada semua warga Fakulti Perladangan dan Agroteknologi, pihak fakulti telah berjaya mengintegrasikan beberapa perkara seperti ditunjukkan di dalam rajah berikut.

### **SENARAI BUKTI :**

1. [F0065\\_O01\\_OB05\\_20221\\_FPA\\_Lampiran Tumpuan Kepada Operasi 6.10.pdf](#)
- 2.
- 3.
- 4.
- 5.

## **KRITERIA 7 : HASIL UTAMA**

### **7.1 HASIL UTAMA 1**

Hasil kepada tumpuan operasi

#### **7.1.1 RINGKASAN EKSEKUTIF**

Hasil kepada tumpuan operasi adalah berdasarkan kepada pengurusan dan pembangunan pelajar melalui aktiviti-aktiviti yang telah di buat oleh pelajar sepanjang tahun. Para pelajar telah di beri peluang dalam menjalankan aktiviti-aktiviti bagi meningkatkan kemahiran insaniah, meningkatkan jalinan antara pelajar dan masyarakat, alumni, keusahawanan dan juga kebolehpasaran graduan berpandukan prosedur-prosedur yang telah ditetapkan oleh Bahagian Hal Ehwal Pelajar (BHEP) dan juga Fakulti. Kecekapan BHEP dalam menjalankan aktiviti adalah di nilai berdasarkan KPI fakulti, jumlah aktiviti yang telah di luluskan dan juga aktiviti-aktiviti yang telah ditolak atau ditangguhkan disebabkan beberapa faktor utama. Lampiran 7.3.1 menunjukkan KPI fakulti yang telah dicapai pada tahun 2020, 2021 dan 2022. Ia melibatkan jumlah aktiviti setiap tahun, jumlah aktiviti yang diluluskan dan ditolak, jumlah pelajar yang berjaya mendapat pekerjaan setelah bergraduasi.

Lampiran 7.3.3 pula menunjukkan peningkatan yang positif terhadap pelajar yang mendapat kerjaya setelah bergraduasi, jumlah program yang telah diluluskan dan juga pencapaian peratusan KPI. Jika di lihat berdasarkan jumlah program pada tahun 2020, 2021 dan 2022, pada tahun 2020 terdapat sedikit penurunan kerana kita telah berhadapan dengan Pandemik Covid 19. Walau bagaimanapun, program pelajar telah berjaya diteruskan dan KPI pada 2021 telah dicapai dengan jayanya dengan peningkatan sebanyak 50% dengan adanya sistem operasi yang cekap dan kreatif oleh pihak BHEP dalam menangani isu ini tanpa menjelaskan program-program yang telah di rancang. Pada tahun 2022, aktiviti diteruskan dan telah mencapai 80% untuk keseluruhan KPI fakulti.

Lampiran 7.3.4 pula menunjukkan operasi pembangunan hal ehwal pelajar di Fakulti Perladangan dan Agroteknologi (FPA) Kampus Jasin mempunyai kekuatan yang tersendiri jika dibandingkan dan di nilai dengan Fakulti- Fakulti lain. FPA merupakan fakulti yang masih baru dan di terajui oleh barisan pensyarah-pensyarah dan juga staf yang masih muda telah membuktikan dapat menghasilkan pelajar yang terbaik dengan adanya pengurusan operasi yang cekap dan terbaik. Jika dinilai berdasarkan KPI yang telah ditetapkan oleh pihak universiti, BHEP Fakulti Perladangan dan Agroteknologi telah memenuhi semua KPI yang telah ditetapkan malah melebihi daripada apa yang di jangkakan. Dengan terhasilnya MoU dengan sebanyak 23 dan 3 MoA bersama institut, industri dan juga syarikat dalam bidang pertanian.

Lampiran 7.3.5 pula menunjukkan impak operasi daripada hasil kecekapan operasi BHEP Fakulti Perladangan dan Agroteknologi kepada hasil keberjayaan aktiviti-aktiviti kepada fakulti, BHEP dan juga kepada pelajar terutamanya. Sebagai contoh, program bersama alumni, komuniti dan juga industri telah dijalankan dengan baik dan di kendalikan oleh para pelajar dan pensyarah dengan baik bagi memastikan kedua-dua belah pihak dapat memberi impak kepada pelajar dan juga graduan.

#### **7.1.2 TAHAP(Level)**

BUKTI : [H1\\_F0065\\_HB02\\_20221\\_Gambarajah 7.1.2.pdf](#)

#### **7.1.3 TREN (Trend)**

BUKTI : [H1\\_F0065\\_HB03\\_20222\\_Gambarajah 7.1.3.pdf](#)

## **LITERATUR DAN BANDA RUMAH (Comparison/Benchmark)**

BUKTI : [H1\\_F0065\\_HB04\\_20223\\_Gambarajah 7.1.4.pdf](#)

### **7.1.5 KEPENTINGAN (Importance)**

BUKTI : [H1\\_F0065\\_HB05\\_20224\\_Gambarajah 7.1.5.pdf](#)

## **KRITERIA 7 : HASIL UTAMA**

### **7.2 HASIL UTAMA 2**

Hasil Perancangan Strategik.

#### **7.2.1 RINGKASAN EKSEKUTIF**

Perancangan Strategik Fakulti Perladangan dan Agroteknologi merupakan satu agenda penting di dalam FPA yang menjadi pemangkin untuk meningkatkan prestasi secara menyeluruh. Hasil utama kepada perancangan strategik dirangka selari dengan perancangan strategik FPA dan UiTM yang dirancang setiap awal tahun mengikut KPI yang ditetapkan oleh Bahagian Transformasi Unit UiTM. Segala aktiviti yang dilaksanakan perlulah memberi impak kepada pembangunan dan pengurusan pelajar FPA secara khusus. Aktiviti yang dijalankan merangkumi penglibatan para pelajar dalam meningkatkan kemahiran insaniah, jalinan dan perkongsian informasi di antara pelajar, masyarakat, alumni dan keusahawanan serta kebolehpasaran graduan FPA selepas bergraduat. Kecekapan Bahagian Hal Ehwal Pelajar FPA yang diterajui oleh TDHEP dan dibantu oleh para koordinator dan staf sokongan menghasilkan aktiviti yang berkualiti dan di nilai berdasarkan KPI fakulti yang dicapai mengikut peratus setiap KPI yang telah diunjurkan.

Terdapat peningkatan yang sangat konsisten dalam 3 tahun berturut-turut bermula 2019, 2020 dan 2021 di dalam peratusan pencapaian Perancangan Strategik FPA secara menyeluruh. Pada tahun 2019, fakulti memperolehi 69% manakala pada tahun 2020 terdapat peningkatan sebanyak 3% menjadikan markah 71% yang dikumpul oleh pihak fakulti yang disumbangkan oleh 51 inisiatif yang telah ditetapkan. Pada tahun 2021, sekali lagi FPA berjaya mencapai sasaran didalam KPI yang ditetapkan dengan memperolehi 80%. Peningkatan yang ketara sebanyak 9% berbanding tahun sebelumnya membuktikan FPA telah melaksanakan perancangan yg dibuat dengan jayanya.

Terdapat lebih daripada 30 aktiviti pelajar yang berteraskan kepada pembangunan dan pengurusan pelajar telah dijalankan sepanjang tahun 2021 dan sehingga Julai 2022 terdapat lebih dari 20 aktiviti telah dilaksanakan.Kesemua program yang dirancang dan dilaksanakan bukan sahaja bertujuan untuk mencapai KPI FPA, tetapi pihak FPA turut memastikan setiap aktiviti tersebut mencapai visi, misi FPA dan UiTM untuk melahirkan graduan yang berkepimpinan dan berdaya saing. Bilangan aktiviti yang dijalankan dibawah pengendalian Bahagia Hal Ehwal pelajar bukan sahaja mencapai KPI fakulti yang ditetapkan, malahan melebihi sasaran.

Antara program yang dijalankan pada tahun 2021 ialah CEO Talk, Bengkel Pengurusan Protokol, Kembara Wakaf Imu Bersama Agroville, Program Post Pandemic Impact On Agriculture, E-Karnival Kerjaya Sektor Perladangan Bersama Alumni dan Agromania Fair. Program ini melibatkan penyertaan bersama alumni dan industri yang bertaraf antarabangsa seperti Sime Darby Plantation, IOI Plantation, FELDA TechnoPlant dan lain-lain.

Gambarajah 7.1.2 merujuk kepada tahap pencapaian hasil dari perancangan strategik mengikut sasaran yang ditetapkan. Graf menunjukkan perbandingan peratus pencapaian strategik yang dicapai merangkumi penglibatan pelajar dalam meningkatkan kemahiran insaniah, jaringan industri, jaringan masyarakat dan keusahawanan pada 2020 dan 2021.

Gambarajah 7.1.3 menunjukkan pencapaian secara keseluruhan peratus perancangan strategik yang dicapai oleh peringkat Fakulti iaitu sebanyak 69% pada tahun 2019, 71% pada tahun 2020 dan 80% pada tahun 2021. Terdapat peningkatan peratusan yang ketara pada setiap tahun.

Gambarajah 7.1.4 menunjukkan hasil peratus perbandingan program pelajar FPA di pelbagai peringkat pada tahun 2020 dan 2021.

Gambarajah 7.1.5 Pencapaian dan aktiviti pelajar yang memberi impak kepada fakulti, universiti dan negara secara keseluruhan.

### **7.2.2 TAHAP(Level)**

BUKTI : [H2\\_F0065\\_HB02\\_20221\\_Gambarajah 7.2.2.pdf](#)

### **7.2.3 TREN (Trend)**

BUKTI : [H2\\_F0065\\_HB03\\_20222\\_Gambarajah 7.2.3.pdf](#)

### **7.2.4 PERBANDINGAN/TANDA ARAS (Comparison/Benchmark)**

BUKTI : [H2\\_F0065\\_HB04\\_20223\\_Gambarajah 7.2.4.pdf](#)

### **7.2.5 KEPENTINGAN (Importance)**

BUKTI : [H2\\_F0065\\_HB05\\_20224\\_Gambarajah 7.2.5.pdf](#)

## **KRITERIA 7 : HASIL UTAMA**

### **7.3 HASIL UTAMA 3**

Hasil Tumpuan Sumber Manusia

#### **7.3.1 RINGKASAN EKSEKUTIF**

Pada tahun 2020 dan 2021 , pelbagai program yang dilaksanakan oleh Bahagian Hal Ehwal Pelajar FPA yang berteraskan enam (6) kluster iaitu, keusahawanan, antarabangsa, kesukarelawan, pembangunan pelajar, kebolehpasaran graduan dan inovasi. Hasil program yang dijalankan adalah membuktikan sasaran yang telah ditetapkan telah dilaksanakan dengan jayanya dan berkualiti selari dengan pengurusan dan pembangunan pelajar walaupun pada tahun 2020 situasinya agak mencabar dengan pandemic Covid-19. Namun pelbagai program telah dilaksanakan untuk mengelakkan pelajar dari keciciran bagi mendapatkan informasi terkini serta pekerjaan walaupun program hanya dijalankan secara dalam talian. Pelaksanaan program akan sentiasa berterusan dan akan dipantau oleh para koordinator Hal Ehwal Pelajar, pensyarah dan staf sokongan. Program pelajar terutamanya keusahawanan dan tanggungjawab sosial dapat menghasilkan usahawan baharu dikalangan graduan FPA secara khususnya serta kesukarelawanan untuk masyarakat setempat. Penglibatan kesemua staf termasuk akademik dan sokongan yang mana bertindak sebagai penasihat kelab/persatuan dan pengiring dalam menjalankan aktiviti pelajar. Sumbangan ini semua amatlah diperlukan bagi mendapatkan hasil yang setimpal dan dapat diukur kepada pelanggan utama iaitu pelajar. Justeru itu, peningkatan program yang dijalankan di fakulti akan meningkatkan pencapaian KPI fakulti dan secara tidak langsung akan memberi impak pada UiTM. Ini telah dibuktikan dengan pencapaian strategik tahun 2021 yang meningkat dari tahun sebelumnya.

Gambar rajah 7.2.2 menunjukkan tahap hasil bilangan program yang dijalankan mengikut perancangan strategik fakulti bagi tahun 2019-2021. Sedikit penurunan pada tahun 2020 disebabkan oleh pandemic Covid-19 tetapi program secara dalam talian dapat juga dijalankan.

Gambar rajah 7.2.3 menunjukkan data happiness index pada tahun 2021. Untuk meningkatkan kecekapan dan pengurusan bidang tumpuan sumber manusia, pengukuran akan dibuat melalui data happiness index. Data happiness index akan menunjukkan tahap kegembiraan atau kecekapan pengurusan dan kepuasan pelanggan dalam menjalankan tugas yang diberikan oleh PTJ. Bancian ini akan dijalankan secara berterusan dengan menetapkan setahun sekali data akan diambil dan dianalisa. Semua staf akademik dan sokongan akan menjawab bancian tersebut secara telus supaya data yang diperoleh adalah tepat bagi membantu fakulti memperbaiki kelemahan sekirannya ada dan dapat meningkatkan mutu pengurusan tumpuan sumber manusia.

Gambar rajah 7.2.4 menunjukkan perbandingan jumlah bilangan program mengikut peringkat fakulti, universiti, kebangsaan dan antarabangsa. Tren menunjukkan bilangan program di peringkat fakulti meningkat pada tahun 2020 dan 2021.

Gambar rajah 7.2.5 menunjukkan program alumni dan kemasyarakatan yang dijalankan sepanjang tahun 2020 dan 2021.

#### **7.3.2 TAHAP(Level)**

BUKTI : [H3\\_F0065\\_HB02\\_20221\\_FPA Lampiran Hasil 7.3.2.pdf](#)

#### **7.3.3 TREND (Trend)**

BUKTI : [H3\\_F0065\\_HB03\\_20222\\_FPA Lampiran Hasil 7.3.3.pdf](#)

### **7.3.4 PERBANDINGAN/TANDA ARAS (Comparison/Benchmark)**

BUKTI : [H3\\_F0065\\_HB04\\_20223\\_FPA Lampiran Hasil 7.3.4.pdf](#)

### **7.3.5 KEPENTINGAN (Importance)**

BUKTI : [H3\\_F0065\\_HB05\\_20224\\_FPA Lampiran Hasil 7.3.5.pdf](#)